قليتا بروني
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

**MANISNYA IMAN** مانيسڽ ايمان

**DARIPADA Aisyah Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :**
**Maksudnya : "Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam Hari Raya Korban yang lebih disukai Allah melainkan menumpahkan darah (menyembelih binatang korban). Sesungguhnya binatang korban itu akan datang pada Hari Kiamat bersama tanduknya, bulunya dan kukunya dan Allah memberi pahala ibadat korban itu sebelum darah binatang korban itu jatuh ke bumi. Oleh itu, elokkanlah korban kamu".**
**(Hadis Riwayat Imam Termizi)**

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.33 SUBUH 4.43 SYURUK 6.08 DUHA 6.32 ZUHUR 12.21 ASAR 3.47 MAGHRIB 6.32 ISYAK 7.47
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN **69** BILANGAN **70** | **10 JUN 2024 / 1445 ذوالحجه 3** | **JABATAN PENERANGAN** | **EDISI ISNIN PERCUMA**

# KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Integrasi Serantau, Republik Ghana, Honourable Shirley Ayorkor Botchwey. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (*Lihat Muka 3*).**

# Perutusan tahniah atas pelantikan semula PM India





**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi, berikutan dengan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri Republik India.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi.**

# Zulhijah, bulan suci terhimpunnya dua ibadah sangat agung

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 9 Jun. - Acara Malam Munajat kali Ke-138 baru-baru ini disemarakkan lagi dengan penyertaan para jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) secara maya dari Mekah Al-Mukarramah yang dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pengarah Urusan Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd., Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed.

**>> Muka 5**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



**60 ketua keluarga terima bantuan**
**Muka 6**



**MENGGALAKKAN penyelidikan, inovasi bidang Sains, Matematik**
**Muka 9**



**DIDIK anak celik kewangan, terapkan budaya menabung**
**Muka 17**



RENCANA

**PUSAT Maksilofasial, Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif Wajah**
**Muka 21**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV), pada Rabu, 5 Jun, 2024, anjuran Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam.**

# Sumbangan para ilmuwan dalam persidangan tonggak kemajuan ummah

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Bismillah Hirrahmanir Rahim**

**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**ALHAMDULILLAH,** beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang melimpahkan rahmat-Nya sehingga dapatlah kita sama-sama menghadiri Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Kali Ke-15 pada pagi ini.

Kepulauan Borneo dimaklumi mengalami perkembangan pesat, seiring dengan kemajuan pusat-pusat ilmu yang mencorak masyarakat bertamadun. Islam di Borneo merupakan pegangan atau anutan majoriti rakyat dan penduduknya. Oleh itu beta gembira mengetahui, bahawa persidangan seumpama ini, yang telah bertapak melebihi satu dekad, masih saja meneruskan wacana intelektualnya sehingga ke hari ini. Tidak syak lagi sumbangan para ilmuwan dalam persidangan seumpama ini adalah merupakan tonggak kemajuan ummah.

Pada kali ini, KAIB membawakan tema 'Membangun Masyarakat dan Perbandaran Islam Yang Mampan'. Beta melihat pembangunan perbandaran Islam itu sifatnya adalah menyeluruh, tidak hanya berupa pembangunan material atau fizikal, tetapi menekankan kemajuan yang seimbang lahiriah dan rohaniah. Pembangunan yang hanya mementingkan kemajuan fizikal semata-mata tidak akan bertahan lama.

Demikian itulah ketentuan sejarah, bagaimana kerajaan-kerajaan besar zaman silam runtuh kerana kemajuan yang dibangun tidak berpaksikan nilai-nilai *rabbani* yang kukuh. Lalu peradaban yang dibina sekian lama itu pun roboh, hanya tinggal menjadi ristaan sahaja.

Berdasarkan ketentuan dan pengalaman pahit inilah, kita tidak mahu memiliki perbandaran yang hanya dibangun dengan benda yang cepat malap dan luntur. Sebaliknya yang kita mahu ialah perbandaran Islam yang dibangun dengan nilai-nilai seimbang, benda dan rohani.

Kepulauan Borneo yang kaya dengan sumber alam, mesti kaya juga dengan sumber rohani, maka barulah kita akan dapat masyarakat berdaya tahan dan kuat untuk mendepani segala cabaran dan asakan zaman.

Sehubungan itu, beta suka menyarankan supaya institusi pengajian tinggi Borneo dapat memainkan peranan untuk benar-benar menjadi lubuk ilmu yang bukan sahaja menawarkan program untuk memenuhi tuntutan semasa, tetapi juga mendidik dan mencorak anak bangsa menjadi insan seimbang.

Dalam kita membincangkan pembinaan tamadun, khasnya tamadun masyarakat Islam di Alam Melayu, maka kita janganlah lupa mengenai khazanah ilmu dalam bentuk pelbagai manuskrip ataupun kitab-kitab lama tulisan ulama silam.

Di sini, beta melihat adanya keperluan bagi penubuhan sebuah pusat yang bertanggungjawab memelihara dan melestarikan manuskrip. Pusat itu nanti akan jadi sumber kajian berkaitan ugama, identiti, asal usul, sejarah, tradisi dan legasi masyarakat rantau ini. Melaluinya aktiviti kajian dan penyelidikan manuskrip dapat diaktifkan. Hal ini mustahak kerana manuskrip adalah warisan atau khazanah yang menyimpan banyak ilmu serta pengetahuan yang bernilai.

Penerokaan terhadap karya ilmuwan klasik ini akan mampu memberi kesedaran atau kefahaman kepada generasi hari ini mengenai sejarah bangsa dan negara untuk merangka kemajuan masa depan yang progresif dan menyeluruh. Beta juga berharap, manuskrip-manuskrip berharga ini akan dapat diakses dengan mudah dengan menggunakan teknologi digital. Dokumentari dalam bentuk digital ini nanti juga akan dapat mempercepatkan dan memperluas lagi sebaran manuskrip milik kita di kepulauan ini ke merata pelosok dunia.

Akhirnya, beta tidak lupa mengucapkan selamat datang kepada para delegasi dari luar ke Negara Brunei Darussalam dan mengucapkan selamat bersidang. Beta mendoakan majlis-majlis ilmu seperti ini akan memartabatkan lagi kedudukan Islam Borneo dan sekali gus di rantau Asia Tenggara. Kerukunan dan semangat persaudaraan yang terjalin kukuh akan menjadikan kita lebih bersatu untuk membangun masyarakat dan perbandaran Islam yang mampan.

Dengan ber*tabarruk* mengambil berkat Kalimat Suci, *Bismillah Hirrahmanir Rahim*, maka beta rasmikan Majlis Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Kali Ke-15.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## WAKTU SEMBAHYANG

| Jun MASIHI | HARI | Zulhijah HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 10 | ISNIN | 3 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.47 |
| 11 | SELASA | 4 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.48 |
| 12 | RABU | 5 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.48 |
| 13 | KHAMIS | 6 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.48 |
| 14 | JUMAAT | 7 | 4.34 | 4.44 | 6.08 | 6.33 | 12.22 | 3.48 | 6.33 | 7.49 |
| 15 | SABTU | 8 | 4.34 | 4.44 | 6.09 | 6.33 | 12.22 | 3.48 | 6.33 | 7.49 |
| 16 | AHAD | 9 | 4.34 | 4.44 | 6.09 | 6.33 | 12.22 | 3.48 | 6.33 | 7.49 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 / 25 °C | 34 / 26 °C | 34 / 26 °C |
| Pekan Bangar | 33 / 25 °C | 34 / 26 °C | 34 / 26 °C |
| Pekan Tutong | 33 / 25 °C | 34 / 26 °C | 34 / 26 °C |
| Kuala Belait | 33 / 25 °C | 34 / 26 °C | 34 / 26 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

10 JUN 2024

# Didik anak-anak dengan bijak

**SUDAH** menjadi lumrahnya ibu bapa sememangnya mahu anak-anak mereka berjaya di dunia dan akhirat. Matlamat untuk menuju ke arah itu, ibu bapa perlu merancang dan bijak dalam mendidik anak-anak mereka dengan sebaik mungkin.

Tidak dinafikan mendidik anak-anak bukan sesuatu yang mudah dan senang untuk dilaksanakan dan pelbagai cabaran serta dugaan yang harus ditempuhi dalam membesarkan anak-anak dengan sempurna agar menjadi insan yang berguna.

Tambahan lagi zaman ini adalah zaman teknologi yang serba canggih. Namun, sebagai ibu bapa perlu bijak menggunakan kecanggihan ini untuk mendidik anak-anak ke arah sesuatu yang positif dan membina jati diri anak yang mampan.

Apa yang penting adalah ibu bapa mesti mengajar anak-anak mereka perkara-perkara yang wajib iaitu seperti sembahyang lima waktu kerana ini sangat mustahak dan ibu bapa bertanggungjawab mengajar anak-anak mereka melakukan ibadat-ibadat yang wajib.

Dengan menjaga sembahyang lima waktu, ini akan memberikan kefahaman akan kepentingan membentuk sahsiah atau keperibadian anak-anak dan keluarga dalam membina keluarga yang bahagia dan aman tenteram serta berkasih sayang.

Amalkan sembahyang berjemaah sedari anak-anak kecil lagi kerana didikan awal ini sangat penting dan anak-anak kecil mudah mengikut dan meniru apabila selalu melihat ibu bapa sembahyang berjemaah.

Ibu bapa juga jangan mudah berputus asa dalam mendidik anak-anak mereka kerana ia bukan semudah yang disangka namun ibu bapa perlu bekerjasama, eratkan hubungan kekeluargaan dan rancang sebaiknya ketika anak-anak meningkat dewasa.

Apabila sudah sampai umur yang selayaknya, ibu bapa mestilah menghantar mereka ke sekolah dan berikan pendidikan asas agar anak-anak tidak tercicir dalam pembelajaran. Ini tidak bermaksud tugas sebagai ibu bapa dalam mendidik anak-anak berhenti di situ sahaja, malahan di rumah, ibu bapa harus memberikan contoh-contoh yang baik kepada anak-anak mereka agar ia menjadi ikutan anak-anak mereka.

Ibu bapa juga mestilah meluangkan masa bersama anak-anak mereka dengan melakukan perkara-perkara yang berfaedah seperti beriadah, melawat ke tempat-tempat bersejarah dan sebagainya. Aktiviti seumpama ini sangat penting untuk perkembangan kanak-kanak dan pada masa yang sama menghidupkan keluarga yang harmoni dan sejahtera.

Oleh itu, didiklah anak dengan bijak dari segi rohani dan jasmani, gunakan kecanggihan teknologi dengan sebaik mungkin agar ia tidak melalaikan dan berikan peluang kepada anak-anak untuk belajar agar menjadi insan yang berguna di kemudian hari nanti.

**- Ketua Penyuntingan (Kr)**



pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Integrasi Serantau, Republik Ghana, Honourable Shirley Ayorkor Botchwey yang berlangsung di Istana Nurul Iman (atas dan kanan).**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 8 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasingan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Integrasi Serantau, Republik Ghana, Honourable Shirley Ayorkor Botchwey; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa, Republik Rwanda, Honourable Dr. Vincent Biruta.

Majlis-majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Perbincangan antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Integrasi Serantau, Republik Ghana; serta bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa, Republik Rwanda semasa Majlis-majlis Mengadap secara berasingan tersebut, antara lainnya menumpukan kepada mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dengan kedua-dua buah negara tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut bertukar-tukar pandangan bersama Menteri-menteri berkenaan mengenai perkembangan terkini dalam Komanwel serta meneroka langkah-langkah untuk memajukan lagi kerjasama melalui wadah ini secara dua hala dan serantau.

Menyertai Honourable Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Integrasi Serantau, Republik Ghana ialah Special Advisor to the Minister of Foreign Affairs and Regional Integration, Ambassador Kwabena Osei-Danquah; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Ghana ke Negara Brunei Darussalam yang tidak menetap, Puan Yang Terutama Florence Buerki Akonor.

Manakala, Honourable Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa, Republik Rwanda disertai oleh Principal Officer in the Office of the Minister, Mr. Juan Haguma; dan Chargé d'Affaires, Suruhanjaya Tinggi Republik Rwanda di Singapura, Ms. Ornella Kayitesi.

Juga hadir semasa Majlis-majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa, Republik Rwanda, Honourable Dr. Vincent Biruta (kiri dan atas).**





# BERKENAN HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja Jordan bersempena dengan Sambutan Jubli Perak baginda Menaiki Takhta.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja Jordan.**

PELITA BRUNEI

# PERCATURAN BRUNEI BUAHKAN HASIL TEWASKAN SRI LANKA 1 - 0

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antarabangsa sempena FIFA DAYS Pasukan Bola Sepak Kebangsaan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.**



**JUGA berangkat menyaksikan perlawanan tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman bersama anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.**

**BERAKAS**, Sabtu, 8 Jun. - Skuad Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) menang tipis ke atas pasukan Sri Lanka dengan keputusan 1 - 0 pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antarabangsa sempena FIFA DAYS Pasukan Bola Sepak Kebangsaan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Berangkat sama anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Separuh masa pertama menyaksikan pasukan tuan rumah bermain dengan baik, melakukan beberapa serangan dan hampir sahaja menjaringkan gol menerusi sepakan percuma yang dilakukan oleh Hakeme Said namun berjaya diselamatkan oleh penjaga gawang pasukan Sri Lanka pada minit ke-37.

Babak kedua perlawanan pula menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan.

Skuad Bola Sepak Kebangsaan NBD akhirnya berjaya menjaringkan gol pada minit ke-59 menerusi sepakan tajam daripada Azwan Ali Rahman yang beraksi cemerlang pada perlawanan tersebut.

Jaringan kekal 1 - 0 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat bagi separuh masa kedua.

Pada sidang media yang berlangsung setelah perlawanan, Ketua Jurulatih Skuad Bola Sepak Kebangsaan NBD, Rui Batista menjelaskan rasa gembiranya dengan permainan skuad kebangsaan.

"Kami tahu pasukan Sri Lanka semememangnya pasukan yang kuat, mereka lebih tinggi dan melakukan *set piece* dengan baik. Jadi kami membuat persediaan secukupnya dalam masa seminggu, mereka lakukan seperti yang dirancang semasa sesi latihan," ujarnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, Skuad Bola Sepak Kebangsaan NBD tidak pernah menewaskan pasukan Sri Lanka.

"Kita kalah dua kali, pada tahun 2002 dan 2004, sekarang semua pemain merasa gembira setelah menewaskan pasukan Sri Lanka, pada perlawanan ketiga setelah 20 tahun.

Di antara perkara positif yang dapat diambil dari perlawanan ini adalah apabila pasukan kita beraksi seperti satu keluarga, dengan bekerjasama untuk melaksanakan peranan masing-masing semasa transisi menyerang dan transisi bertahan," tambahnya lagi.





**ANTARA aksi pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Antarabangsa berkenaan (atas, atas kiri dan bawah). Sementara gambar kiri, antara yang hadir menyaksikan perlawanan berkenaan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.**





# ZULHIJAH, BULAN SUCI TERHIMPUNNYA DUA IBADAH SANGAT AGUNG

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**>> Muka 1**

Seterusnya, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Limau Manis, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Mohammad Asdey Hazabullah bin Haji Md. Zain, iaitu jemaah haji NBD dari Mekah Al-Mukarramah.

Diikuti dengan Doa Munajat dibacakan oleh Guru Ugama, Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran), Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin, juga dari Mekah Al-Mukarramah.

Sementara tazkirah bertajuk 'Tunjukkan Amal Terbaik Kita' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi, dari Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis.

Dalam inti pati tazkirahnya, beliau antara lain menyentuh mengenai bulan Zulhijah merupakan salah satu bulan suci yang terhimpun di dalamnya dua ibadah yang sangat agung, iaitu ibadah haji dan ibadah korban.

Menurutnya, dalam bulan Zulhijah tersebut kita selalu diperingatkan tentang kisah pengorbanan keluarga Nabi Ibrahim Alaihissalam.

Dalam bulan Zulhijah tersebut juga tambahnya, terdapat 10 hari yang merupakan hari-hari yang paling disukai Allah Subhanahu Wata'ala untuk seseorang melakukan amal ibadah.

"Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mulk, ayat 2, yang bermaksud : *Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu; siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia maha kuasa (membalas amal kamu), lagi maha pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat)*.

"Allah Subhanahu Wata'ala telah menciptakan hidup kita sekarang ini untuk melihat siapakah yang lebih baik amalnya dan melahirkan amalan terbaik, mestilah ada pengorbanan.

"Oleh itu, kita korbankanlah masa dan tenaga untuk melakukan amalan terbaik kita pada 10 hari yang Allah Subhanahu Wata'ala paling sukai, iaitu 10 hari terawal Zulhijah ini bermula hari ini, 8 hingga 17 Jun," ujar Awang Ahmad Muzhafar lagi.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai oleh para jemaah haji NBD dari Mekah Al-Mukarramah.

Bagi memberkati acara Malam Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Imam Masjid Kampung Lumapas, JHEM, KHEU dari Masjid Kampung Lumapas, Awang Azree bin Haji Ashli.

Ikut serta mengimarahkan acara Malam Munajat tersebut ialah Ahli Jawatankuasa Takmir, para belia dan jemaah dari Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis dan Masjid Kampung Lumapas serta mereka yang hadir secara fizikal mahupun secara maya dari 73 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Juga menyertai, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu, Malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu* atau *https://www.facebook.com/pdi.kheu*.



**TAZKIRAH Malam Munajat kali Ke-138 bertajuk 'Tunjukkan Amal Terbaik Kita' disampaikan oleh Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi. Turut menghadiri Malam Munajat berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.**

# Perempuan Filipina lafaz dua kalimah syahadah






**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pengislaman yang berlangsung di Pejabat Unit Da'wah, Daerah Tutong dan seterusnya menyampaikan cenderahati kepada saudara baharu yang diraikan (atas dan atas kanan).**



**DAYANG Melody Valles Mateo semasa melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman tersebut.**

**TUTONG**, Ahad, 9 Jun. - Seorang perempuan berbangsa Filipina, Dayang Melody Valles Mateo, 33 tahun, telah melafazkan dua kalimah syahadah di Majlis Pengislaman yang berlangsung di Pejabat Unit Da'wah, Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Hadir sama, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh dan Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah.

Dayang Melody Valles Mateo kemudian melafazkan Dua Kalimah Syahadah dan memilih nama Islamnya sebagai Dayang Nur Faizah binti Abdullah Mateo.

Majlis pengislaman tersebut disempurnakan oleh pegawai-pegawai pengislaman dari Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong, Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI.

Acara diteruskan lagi dengan penyampaian cenderahati daripada PDI kepada saudara baharu yang diraikan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Mengikut statistik keramaian orang yang telah memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam sejak awal Januari hingga 4 Jun 2024 adalah seramai 144 orang.

Manakala daripada jumlah tersebut, 30 orang adalah dari Daerah Tutong.



# KEPENTINGAN AI DALAM MASA DEPAN ASEAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Jun. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Sains, Teknologi dan Inovasi Ke-20 (AMMSTI-20) yang diadakan pada 7 Jun 2024. Selain itu, NBD juga menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Inovasi ASEAN Ke-85 (COSTI-85) dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan, yang diadakan dari 4 Jun hingga 6 Jun 2024, di Siem Reap, Kemboja.

Delegasi NBD ke Mesyuarat AMMSTI-20 telah diketuai oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Semasa mesyuarat tersebut, Yang Berhormat mengongsikan pandangan tentang peranan penting yang boleh dimainkan oleh Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dalam mengemudi masa depan ASEAN serta menekankan tentang potensi transformatifnya dalam memacu pertumbuhan inovasi dan ekonomi.

Pada tahun ini, Mesyuarat AMMSTI-20 dipengerusikan oleh Menteri Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi (MISTI), Kemboja, Tuan Yang Terutama Hem Vanndy. Hasil daripada mesyuarat tersebut antara lainnya adalah pengesahan laporan Mesyuarat ASEAN COSTI-85.

Antaranya ialah Status pelaksanaan 2024 Priority Economic Deliverable (PED) dan Projek-projek Keutamaan Tahunan (Annual Priorities - AP) di bawah Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) iaitu (PED) Establish an ASEAN Online Education Platform for Industry 4.0; (AP) Establishing the ASEAN Technology Management Hub (Phase III); (AP) Developing the ASEAN Regional Research Infrastructure Strategy (Phase II); (AP) Developing the ASEAN Regional Research Infrastructure Strategy (Phase II); (AP) Establishing the ASEAN Startup Initiative; (AP) Establishing the ASEAN Talent Mobility Community dan (AP) Implementing the ASEAN Energy Resilience Assessment Guideline:Capacity Building on Energy Resilience Assessment.

Antara lain, permulaan kerja asas penyediaan Pelan Tindakan ASEAN Sains, Teknologi, dan Inovasi (APASTI) 2026-2035, yang dijangka akan dilaporkan semasa AMMSTI-21.

Pengesahan satu PED bagi tahun 2025 di bawah sektor STI, bertajuk 'Establishing ASEAN Technology Startup Ignite' dan Pelancaran ASEAN COSTI Tracks on AI (ACT on AI) 2024-2025 semasa acara pembukaan Mesyuarat AMMSTI-20 iaitu lima projek berkaitan AI yang disokong oleh Rakan Dialog yang akan lebih memperkukuhkan ASEAN sebagai pemain yang kompetitif dalam landskap AI di dunia. Makluman Mesyuarat AMMSTI-21 akan dihoskan oleh Indonesia dan dijadualkan secara tentatif pada bulan Jun 2025.

Mesyuarat turut memuatkan sesi bertukar pandangan mengenai 'Aplikasi AI : Menavigasi Masa Depan' dan mengesahkan Penyataan 'AMMSTI Statement on AI', yang menekankan fokus pada memupuk kerjasama dalam bidang AI. Penyataan tersebut menekankan pentingnya melabur dalam infrastruktur AI untuk menyokong kemajuan dan penerapan aplikasi dan perkhidmatan AI yang bertanggungjawab dalam kalangan ASEAN.

Selain itu, penyataan tersebut juga menekankan keperluan untuk rangka pengurusan data yang kukuh bagi melindungi privasi, keselamatan dan integriti data sambil mempromosikan perkongsian data dan inovasi dalam aplikasi AI. Langkah-langkah ini adalah penting untuk memastikan teknologi AI menyumbang kepada pembangunan yang inklusif dan mampan di rantau ini.

Semasa sesi pertukaran pandangan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah mengongsikan mengenai pembangunan dan penggunaan AI di NBD.

Teknologi AI telah digunakan dalam Sektor Kesihatan untuk menganalisis sejumlah besar data berkaitan kesihatan dan membantu Kementerian Kesihatan membentuk model kesihatan keseluruhan penduduk. Ini telah membantu Kementerian Kesihatan di dalam membuat keputusan dasar yang bermaklumat dan memastikan perbelanjaan lebih kos efektif.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat turut menekankan kepentingan tadbir urus AI, yang menyeimbangkan antara inovasi dan penggunaan AI yang bertanggungjawab, memastikan sistem AI dibangunkan dan digunakan dalam cara yang sejajar dengan nilai kemasyarakatan, memberi manfaat kepada masyarakat sambil meminimumkan potensi risiko dan kesan negatif.

Dalam hal ini, NBD menyokong dan menyetujui sepenuhnya prinsip-prinsip yang dibentangkan dalam Panduan ASEAN mengenai Tadbir Urus dan Etika AI yang telah diterima pakai semasa Mesyuarat Menteri Digital ASEAN Ke-4 pada Februari 2024.

Dengan merujuk kepada dokumen ASEAN ini, NBD sedang menggubal garis panduan negara sendiri dan sedang berusaha menyediakan Rangka Kerja Strategi AI yang akan menstruktur program sedia ada dan inisiatif baharu untuk menyokong pembangunan AI. Ini termasuk penyediaan undang-undang pendukung, pembangunan infrastruktur pemboleh, penyelidikan dan inovasi serta pembangunan tenaga kerja dan program kesedaran menyeluruh.

Mesyuarat AMMSTI-20 didahului oleh Mesyuarat ASEAN COSTI-85 dan mesyuarat lain yang berkaitan juga turut bersidang di Siem Reap, Kemboja pada 4 Jun hingga 6 Jun 2024.

Mesyuarat telah dihadiri oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi NBD bagi ASEAN COSTI.

Mesyuarat ASEAN COSTI-85 dan mesyuarat lain yang berkaitan pada tahun ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Negara, Kementerian Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi (MISTI), Kemboja, Tuan Yang Terutama, Dr. Hul Seingheng.



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap.**



**TURUT menghadiri mesyuarat berkenaan, Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pengerusi NBD bagi ASEAN COSTI.**

# 60 ketua keluarga terima bantuan





**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana (kiri dan bawah kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Jun. - Seramai 60 ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran dan tanah susur telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada majlis yang berlangsung di Bilik Hijau, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Seramai 10 ketua keluarga daripada 60 yang menerima bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian kebakaran, satu ketua keluarga terlibat dalam kejadian tanah susur dan 49 ketua keluarga terlibat dalam kejadian banjir.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat



# MEMPERKEMBANGKAN KEPERLUAN UNDANG-UNDANG KOMERSIAL



**YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar semasa bergambar ramai pada majlis tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Jun. - Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini telah menganjurkan ceramah bertajuk, 'Trying Commercial Law Cases' yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar di Mahkamah Rayuan NBD, The Right Honourable Sir Peter Henry Gross.

Pada sesi tersebut, The Right Honourable Sir Peter Henry Gross melahirkan rasa terima kasih atas peluang untuk berkhidmat sebagai hakim di negara ini dan membincangkan perkembangan undang-undang komersial, menonjolkan hubungan berterusan dan bersejarah antara NBD dan United Kingdom (UK) dalam bidang keadilan sebagai salah satu daripada hubungan terkuat yang menghubungkan dua negara ini.

Sir Peter Henry Gross juga menggariskan keperluan undang-undang komersial untuk memudahkan perdagangan dan bercakap mengenai penubuhan Mahkamah Komersial di London, prinsip utama undang-undang Inggeris dalam perdagangan antarabangsa, pengurusan kes dan tafsiran kontrak.

Beliau mengakhiri dengan mengongsikan mengenai perkhidmatan sebagai hakim di negara ini dan menonjolkan tradisi undang-undang biasa yang kukuh, negara yang menawarkan banyak peluang untuk pembangunan undang-undang dan kehakiman komersial dan berkaitan.

Hadir bagi menyaksikan ceramah tersebut ialah Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon; Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Rayuan, Yang Arif Michael Victor Lunn; Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Awang Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Seri Pahlawan Haji Kefli dan Pemangku Ketua Pendaftar, Hajah Hazarena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah.

Seramai lebih 140 orang termasuk Ahli-ahli Badan Kehakiman, Pejabat Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pusat Timbang Tara Brunei Darussalam (BDAC), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan Persatuan Undang-undang Negara Brunei Darussalam telah ikut serta menyaksikan ceramah tersebut.

**Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam**

# AFAD terima sumbangan derma

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat**




**PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Turkiye menyerahkan mock cheque berjumlah USD523,980.66 kepada, Presiden AFAD, Tuan Okay Memis pada Majlis Penyerahan Sumbangan Derma Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Jun. - Majlis Penyerahan Sumbangan Derma Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye telah diadakan pada 22 Mei 2024 di ibu pejabat Pihak Berkuasa Pengurusan Bencana dan Kecemasan (AFAD) di Ankara, Republik Turkiye sebagai menandakan pemindahan derma sumbangan melalui tabung kemanusiaan tersebut.

Majlis penyerahan sumbangan telah disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Turkiye, Puan Yang Terutama Dayang Noni Zurainah binti Haji Ismi, yang telah menyerahkan *mock cheque* berjumlah USD523,980.66 kepada, Presiden AFAD, Tuan Okay Memis.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah wakil dari Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Ankara serta dari pihak AFAD.

Sumbangan tersebut akan digunakan untuk membeli *climate-control machines* untuk perumahan sementara bagi mangsa-mangsa gempa bumi di Republik Turkiye.

Jawatankuasa Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penderma di negara ini di atas keprihatinan dan sumbangan derma yang telah dihulurkan kepada tabung berkenaan.



# OCEAN WEEK BRUNEI BUKTI DEDIKASI MEMELIHARA KEHIDUPAN MARIN






**ANTARA penyelam semasa aktiviti menempatkan bebola terumbu (atas). Manakala gambar kanan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke NBD; dan Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD semasa bergambar ramai pada acara tersebut.**

**Siaran Akhbar dan Foto: Poni Divers**

**SERASA**, Ahad, 9 Jun. - Bersempena dengan Ocean Week Brunei, Poni Divers dengan kerjasama Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah menempatkan bebola terumbu karang ke-100 ke lautan semasa acara pembukaan rasmi.

Sejak Julai 2023, program Reef Ball telah menempatkan lebih 70 bebola terumbu karang ke laut, dan menambah 30 lagi bebola terumbu karang baru-baru ini, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 100 bebola terumbu yang dilepaskan.

Antara yang hadir ke acara tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Luke Arnold; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke NBD, Tuan Yang Terutama Bernard Regnauld-Fabre, dan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Puan Yang Terutama Ambra Dickie, bersama-sama tetamu-tetamu lain, berkumpul di Jeti Ikan di Pantai Serasa untuk pelancaran Ocean Week Brunei pertama, sempena Hari Lautan Sedunia.

Ocean Week Brunei, yang diterajui oleh Poni Divers, Poni Foundation, dan Jabatan Perikanan, KSSUP berperanan penting dalam menyatukan pihak berkepentingan dari sektor perniagaan, kerajaan, masyarakat awam, dan akademik untuk menangani cabaran pemuliharaan marin yang penting, sama ada di peringkat tempatan mahupun global.

Dengan visi untuk menginspirasi generasi seterusnya sebagai pelindung laut dan melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk memupuk masa depan yang mampan bagi ekonomi biru NBD.

Pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan bersempena Ocean Week Brunei, yang melibatkan pelbagai peringkat masyarakat termasuk taklimat belia yang telah diadakan pada Isnin, 3 Jun 2024; bengkel pemuliharaan marin komuniti pada Selasa, 4 Jun 2024; diikuti dengan acara penanaman karang terbesar di Brunei, Big Blue Hope, pada Rabu, 5 Jun 2024; Persidangan Kelestarian Lautan pada Khamis, 6 Jun 2024; dan Acara Utama Hari Lautan Sedunia pada Sabtu, 8 Jun 2024 dan acara kemuncaknya, dengan Coastal Marvel Beach Cleanup hari ini.

Objektif utama sambutan selama seminggu ini adalah untuk memangkin dialog yang bermakna, mengenai pemuliharaan marin di NBD dan seterusnya, memperkenalkan penyelesaian dan teknologi yang inovatif, kepada konteks tempatan, dan, yang penting, memperkasakan belia Brunei dengan kemahiran yang boleh diambil tindakan untuk melaksanakan perubahan positif.

Aktiviti hari ini melibatkan penempatan kesemua 30 bebola terumbu karang ke Pelong Rock, dilengkapi dengan tiga buah bot dan 10 penyelam.

Antaranya ialah Bebola Terumbu Brunei Ke-100, melambangkan dedikasi kami yang tidak berbelah bahagi kepada usaha pemuliharaan marin.

Ocean Week Brunei dijadualkan akan diadakan setiap tahun dengan persiapan yang sedang dijalankan untuk tahun yang akan datang.

# Masjid Ash-Shaliheen, Masjid Ar-Rahim johan Pertandingan Lagu Tausyeh



**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Azmah Haji Ahad**



**SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang pada Pertandingan Lagu-Lagu Tausyeh bagi Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (atas dan kanan). Sementara gambar bawah, sebahagian yang hadir di Dewan Madrasah, Masjid Setia Ali.**



**SERASA**, Ahad, 9 Jun. - Masjid Ash-Shaliheen dan Masjid Ar-Rahim masing-masing johan Pertandingan Lagu-Lagu Tausyeh bagi Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Senegara Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Manakala, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba menyandang naib johan bagi Kategori Belia dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah mendapat tempat ketiga.

Bagi Kategori Beliawanis, Masjid Kampung Batu Apoi dan Masjid Az-Zakireen Meragang masing-masing merangkul naib johan dan tempat ketiga pertandingan berkenaan.

Pertandingan tersebut berlangsung tadi pagi di Dewan Madrasah, Masjid Setia Ali, di sini

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Pertandingan itu diungkayahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Belia dengan kerjasama Kumpulan Belia Masjid Setia Ali Pekan Muara dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Setia Ali Pekan Muara.

Ia juga merupakan kesinambungan pertandingan yang telah diadakan pada tahun lalu dan akan menjadi aktiviti tahunan.

Tujuan pertandingan ini diadakan bukan sahaja untuk menyahut hasrat dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir bahkan untuk mencungkil bakat terpendam dalam kalangan kumpulan belia dan beliawanis, di samping menghidupkan syiar Islam dan mengekalkan lagu-lagu tausyeh dalam kalangan masyarakat Islam agar tidak hilang ditelan zaman.

Dengan mengadakan aktiviti dan pertandingan seperti ini dapat melahirkan semangat suka mengikuti pelbagai pertandingan yang berbentuk keislaman dan menjadikan masjid sebagai tempat perkumpulan masyarakat Islam tidak kira tua atau muda.

# Ekspedisi Saintifik labuh tirai

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perhutanan**

BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION MYCE 2024

**TEMBURONG,** Ahad, 9 Jun. - Ekspedisi Saintifik yang telah berjalan selama 10 hari bermula dari 30 Mei hingga 8 Jun di Kawasan Hutan Simpan Batu Apoi, Temburong berakhir hari ini dengan Majlis Penutup yang diadakan di Balai Raya Kampung Selapon, Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Dahliana binti Haji Aliakbar.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat dan para jemputan telah berkesempatan mendengarkan sinopsis Ekspedisi Saintifik yang telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Rahayu Sukmaria binti Haji Sukri dari Institute for Biodiversity and Environmental Research (IBER), Universiti Brunei Darussalam (UBD), selaku wakil dari para kumpulan penyelidik.

Tetamu kehormat juga telah menyampaikan cenderahati kepada ketua-ketua kumpulan penyelidik bagi ekspedisi tersebut.

Ekspedisi Saintifik yang bertemakan 'Menerokai Biodiversiti Negara Brunei Darussalam' ini disertai oleh seramai 31 peserta yang terdiri dari 10 pasukan pengkaji mewakili institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa.

Sebahagian dapatan daripada ekspedisi ini yang telah melibatkan beberapa projek kajian dari pelbagai disiplin akan dikongsikan melalui pembentangan semasa Persidangan Biodiversiti Negara Brunei Darussalam yang akan berlangsung dari 11 hingga 13 Jun 2024, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Ekspedisi saintifik dan persidangan biodiversiti tersebut adalah anjuran bersama antara KSSUP melalui Jabatan Perhutanan dan UBD bersempena dengan Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2024 (Brunei MYCE 2024).

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap I, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim; Pengarah IBER, UBD, Dr. Hussein bin Haji Taha; Ketua Kampung Batu Apoi dan Pemangku Ketua Kampung Selapon, Awang Haji Mumtaz bin Haji Yakub; Majlis Perundingan Kampung Selapon, Jawatankuasa Ekspedisi Saintifik, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan, UBD, dan juga peserta-peserta ekspedisi saintifik.






TIMBALAN Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa bergambar ramai bersama peserta Ekspedisi Saintifik.

# MENGGALAKKAN PENYELIDIKAN, INOVASI BIDANG SAINS, MATEMATIK

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 9 Jun. - Seramai empat pelajar, dua guru pengawas dan seorang pegawai dari Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) berlepas ke Pulau Pinang, Malaysia bagi menyertai The 13th Regional Congress Search for SEAMEO Young Scientists Programme 2024 yang dianjurkan oleh SEAMEO Regional Centre for Education in Science and Mathematics (SEAMEO RECSAM) bermula pada 10 hingga 14 Jun 2024.

Program tersebut disertai oleh dua pelajar dari Sekolah Menengah Masin iaitu Aiman Raziq bin Haji Radin dan Muhd. Hanif Zakwan bin Muhd. Amirshah; dan dua pelajar dari Sekolah Menengah Berakas iaitu Abdullah Humam Baqir bin Md. Salleh dan Awangku Mohd. Akmal Safeyullah bin Pengiran Suhaimi.

Turut mengiringi pelajar-pelajar ialah Pegawai Pendidikan, Sekolah Menengah Masin, Awang Kassim bin Haji Abdul Gani; Pegawai Pendidikan, Sekolah Menengah Berakas, Dayang Nurathirah binti Yahya; dan Pegawai Pelajaran, Pusat STEP, Dayang Nurul Fathiah binti Brahim @Haji Ibrahim.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Ketua Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE), Kementerian Pendidikan, Dr. Mona Aliana binti Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin.

Program tersebut diselaras oleh Pusat STEP dan Pusat Edge, dan tema program pada tahun ini adalah 'Youth for One Health through STEM Innovations'.

Sebanyak dua projek yang terpilih akan dibentangkan dalam program ini bertajuk 'Tackling Gadgets Addiction in Strengthening One Health for Youth in Increasingly Challenging 21st Century Era' dari Sekolah Menengah Masin; dan 'Eggradicate : A Hypochlorous Acid Bio-Decontamination Process' dari Sekolah Menengah Berakas.

Antara tujuan program tersebut ialah untuk memupuk rasa ingin tahu para pelajar dari negara-negara anggota SEAMEO, menggalakkan penyelidikan dan inovasi dalam bidang Sains dan Matematik dalam kalangan belia, menggalakkan belia untuk mengambil bahagian dalam inisiatif 'One Health' dan menyediakan platform untuk rangkaian bagi para belia dan pendidik di seluruh rantau ini.



SERAMAI empat pelajar, dua guru pengawas dan seorang pegawai dari Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) berlepas ke Pulau Pinang, Malaysia bagi menyertai The 13th Regional Congress Search for SEAMEO Young Scientists Programme 2024 yang dianjurkan oleh SEAMEO Regional Centre for Education in Science and Mathematics (SEAMEO RECSAM) bermula pada 10 hingga 14 Jun 2024.

Manakala, antara perisian program adalah penilaian pameran projek, bengkel untuk para guru dan pelajar, ceramah kerjaya dan permainan pendidikan yang berunsurkan STEM untuk pelajar.

Para peserta juga berpeluang menyertai Pulau Pinang Tour pada akhir program tersebut.

# Promosikan, apresiasi karya penulis tempatan







**PEMANGKU Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit semasa menyampaikan ucapan alu-aluan (atas). Sementara gambar kanan, antara peserta dari Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia menyertai Baca Bahana, dan tema yang dibawa pada siri kali ini ialah 'Wira Negara'.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Jun. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah dan Kumpulan PUTRA Seni (KPS) melaksanakan Baca Bahana sebagai projek bulanan dalam mempertemukan dan mengumpulkan para penggiat seni dan sastera baik dalam negara mahupun luar negara dari pelbagai peringkat usia.

Kegiatan secara maya ini juga dapat memperkenalkan, mempromosikan dan mengapresiasi karya-karya penulis tempatan dalam majalah Bahana yang disampaikan dan dipersembahkan bukan sahaja oleh penggiat seni dan sastera dari Negara Brunei Darussalam bahkan juga dari luar negara seperti Malaysia dan Indonesia.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Turut hadir ialah Ketua 1 KPS, Awang Mohd. Zefri Ariff bin Mohd. Zain Ariff; Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin; Pemangku Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, Dayang Sharyanty binti Haji Md. Sharif; penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara, tokoh sasterawan dalam dan luar negara, para penggiat seni dan sastera dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia, pegawai dan kakitangan DBP serta para pelayar yang mengikuti penstriman langsung aplikasi Zoom dan Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Seramai 20 orang peserta dari Negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia menyertai Baca Bahana, dan tema yang dibawa pada siri kali ini ialah 'Wira Negara' yang diinspirasikan daripada Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-63, Tahun 2024, sekali gus sebagai tanda penghargaan dan apresiasi kepada mereka yang bergelar wira negara.

Melalui Baca Bahana, penyair-penyair mempersembahkan karya-karya dalam majalah Bahana hasil daripada pemerhatian, pengamatan dan jentikan emosi penulis tanah air yang merakamkan perjuangan, pengorbanan, ketaatsetiaan dan kecintaan kepada bangsa dan negara.

# PROGRAM SUA MUKA BARIGAKAN MAKLUMAT, DASAR KERAJAAN





**PROGRAM Sua Muka dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung (atas dan kiri).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TEMBURONG**, Sabtu, 8 Jun. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa serta dasar kerajaan dan menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian juga tindakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong, hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Sibut dan Kampung Sumbiling, Mukim Amo, Daerah Temburong.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah yang disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan jabatan tersebut.

Turut hadir menyampaikan maklumat terkini kepada penduduk-penduduk kampung berkenaan ialah Pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya, DST Network (DSTN) Sendirian Berhad dan Jabatan Belia dan Sukan.

Antara maklumat yang disampaikan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik ialah pembarigaan mengenai TID Rollover dan meter pintar (USMS), yang mana penggantian mandatori kepada USMS nanti akan diadakan secara percuma.

Sementara itu, DSTN membarigakan manfaat USMS, antaranya pengguna dapat melihat pengunaan dari masa ke semasa, boleh mengawal penggunaan dan menjimatkan pembelanjaan para penduduk-penduduk kampung.

Dalam mukadimahnya, ketua rombongan Jabatan Penerangan antara lain menekankan mengenai peranan jabatan berkenaan sebagai lidah, mata dan telinga Kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat, dasar Kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan termasuk Program Sua Muka dan terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Program Sua Muka ini jelasnya, adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Manakala, Ketua Kampung Sibut dan Kampung Sumbiling, Awang Haji Suhaili bin Haji Badas dalam ucapannya, menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas peluang yang diberikan bagi mengemukakan isu dan permasalahan yang dihadapi penduduk kampung untuk diambil perhatian oleh agensi-agensi berkenaan.

Menurutnya, program ini amat mustahak dalam mengungkayahkan penyelesaian terhadap isu-isu yang dikemukakan sepertimana yang telah dirancang oleh agensi-agensi berkaitan.

Program Sua Muka diakhiri dengan sesi soal jawab mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk kampung yang antara lain berkaitan dengan keselamatan, prasarana, kemudahan awam dan perancangan program bagi belia-belia di kampung-kampung berkenaan.

Selain itu, Program Sua Muka juga diselitkan dengan penjualan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan.

# سروان سوچي

## عبادت قربان: سنة يڠ ساڠة دتونتوت

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كفدڽ. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

تيدق لاما لاݢي عيدالأضحى اكن منجلڠ دان ڤد هاري ترسبوت، أݢام كيت تله منشريعتكن ساتو عبادت يڠ مروڤاكن ساله ساتو دري شعار أݢام إسلام، يإيت ملقساناكن عبادت قربان دڠن مپمبليه بيناتڠ ترناكن سڤرتي أونتا، كمبيڠ، كرباو، لمبو دان سأومڤاماڽ.

سسوڠݢوهڽ عبادت قربان مروڤاكن سباهاݢين دري شعار أݢام إسلام يڠ مستي كيت أݢوڠكن دان مستي كيت حرمتي. الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ منجلسكن ددالم القرآن بهاوا مڠأݢوڠكن دان مڠحرمتي شعار أݢام إسلام ايت اداله تندا كتقوأن هاتي اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان. الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة الحج أية ٣٢:

تفسيرڽ:

**دمكينله (اجارن الله) دان سسياڤ يڠ مڠحرمتي شعار-شعار الله (سڤرتي عبادت قربان) مك سسوڠݢوهڽ ڤربواتن ايت اداله تربيت درڤد كتقوأن هاتي (كڤد الله).**

جماعه يڠ درحمتي الله،

حكوم ملاكوكن عبادت قربان ايت اداله سنة مؤكدة يإيت سنة يڠ ساڠة دتونتوت. اوليه يڠ دمكين، باݢي اورڠ-اورڠ يڠ بركمampوان اونتوق ملاكوكن عبادت قربان مك ڤلواڠ يڠ تيدق ترنيلاي دان هاڽ داتڠ بيراڤ هاري دالم ستاهون دبولن ذوالحجه ايت تيدق واجر دأبايكن دان دلڤسكن بڬيتو سهاج.

رسول الله صَلَّىٰ ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بݢيندا اد مپبوت تنتڠ فضلية اتاوڤون كلبيهن برقربان، انتاراڽ اياله داره قربان يڠ تومڤه كبومي اكن مڠمبيل تمڤت يڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. درڤد عائشة رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهَا، رسول الله صَلَّىٰ ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **مَا عَمِلَ آدَمِيٌّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ، إِنَّهُ لَيَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الأَرْضِ، فَطِيبُوا بِهَا نَفْسًا.**

مقصودڽ:

**تيدق اد عمالن يڠ دلاكوكن اوليه أنق آدم ڤد هاري راي قربان يڠ لبيه دسوكإي الله ملاينكن منومڤهكن داره (مپمبليه بيناتڠ قربان). سسوڠݢوهڽ بيناتڠ قربان ايت اكن داتڠ ڤد هاري قيامة برسام تندوقڽ، بولوڽ دان كوكوڽ دان الله مبري ڤاهلا عبادت قربان ايت سبلوم داره بيناتڠ قربان ايت جاتوه كبومي. اوليه ايت، إيلوقكنله قربان كامو. {حديث رواية إمام ترمذي}**

سسوڠݢوهڽ فضلية برقربان سباݢيمان يڠ دسبوتكن ايت تادي سوده مڠݢمبيركن بتاڤ برأونتوڠڽ اورڠ-اورڠ يڠ برقربان، كران هرتا يڠ دبلنجاكن اونتوق ملقساناكن عبادت قربان ايت اكن منداڤت ڤولڠن يڠ بسر بروڤا كبايكن ددنيا دان جوك دأخيرة.

أݢام كيت منشريعتكن عبادت قربان ايت سباݢي ساله ساتو چارا اونتوق مندكتكن ديري كڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. جوسترو، إسلام تله مپوسون دان مڠاتور تاتاچارا برقربان دڠن كمس دان سمڤورنا. اداڤون حكمه درڤد ڤنشريعتن عبادت قربان اين، انتاراڽ اياله:

**ڤرتام:** مڠمبيل إعتبر دان ڤڠاجارن تنتڠ أرتي مبنر كطاعتن سأورڠ همبا كڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. عبادت قربان مڠايڠتكن كيت تنتڠ ڤريستيوا ڤڠوربانن نبي إبراهيم عَلَيْهِ ٱلسَّلَامُ يڠ تله دڤرينتهكن اوليه الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ اونتوق مپمبليه ڤوترا بݢيندا نبي إسماعيل عَلَيْهِ ٱلسَّلَامُ. اي مروڤاكن ڤڠوربانن يڠ بنر-بنر مڠوجي كإيمانن دان كصبرن مريك بردوا. ڤرينته يڠ أمت برت ايت تله دلقسانكن أتس داسر إيمان دان تقوى يڠ دلاكوكن تنڤا راݢو-راݢو اتاو وس-وس. أتس داسر كطاعتن دان كتولوسن مريك ايت، مك الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ أخيرڽ تله ممرينتهكن اݢر نبي إسماعيل عَلَيْهِ ٱلسَّلَامُ دݢنتيكن دڠن سايكور كَبْش.

**كدوا:** ممڤوڤوك سيكڤ ڤمدوليان دان ڤريهاتين ترهادڤ مشاركت. اين جلس ملالوءي ڤڠأݢيهن داݢيڠ-داݢيڠ قربان ترسبوت منوبجوقكن سيكڤ ڤمدولين كڤد يڠ برحق منريماڽ خصوصڽ كڤد ڤارا فقير ميسكين دان يڠ ممرلوكن.

**كتيݢ:** ملاهيركن تندا كشكورن كڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ ترهادڤ نعمت رزقي يڠ تله دكورنياكنڽ.

**كأمڤت:** داڤت مڠيكيس صفة طمع دان موجودكن صفة موره هاتي اونتوق ممبلنجاكن هرتا كجالن الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. إيڠتله، هرتا يڠ دأنوݢرهكن اوليه الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ كڤد كيت ايت ددالمڽ اد ترسليت حق-حق اورڠ لاين سڤرتي ݢولوڠن فقير ميسكين.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ماريله كيت سام-سام ممڤرتيڠكتكن لاݢي كإيمانن دان كتقوأن كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دڠن ملاكوكن عبادت قربان ترأوتما باݢي مريك يڠ بركمampوان. اين كران عبادت قربان ايت مروڤاكن ڤلابورن كيت ددنيا دان حاصيل كأونتوڠنڽ اكن كيت تواي دان ڤرأوليهي دأخيرة كلق.

أخيرڽ، موده-مودهن دڠن كيت مڠأݢوڠكن دان ملقساناكن عبادت قربان ايت، رزقي كيت اكن سماكين برتمبه بركت دان ديري كيت، كلوارݢ كيت دان نݢارا كيت دجاوهي دري سݢالا بنتوق مصيبة، مالاڤتاك دان بالا بنچان. آمين يا رَبَّ العالمين.

{ سورة الحج أية: ٣٧ }

تفسيرڽ:

**داݢيڠ دان داره بيناتڠ قربان ايت سكالي-كالي تيدق اكن سمڤي كڤد الله تتاڤي يڠ سمڤي كڤدڽ اياله كتقوأن كامو. دمكينله دي ممودهكنڽ اونتوق كامو سوڤاي كامو ممبسركن الله اتس هدايتڽ كڤد كامو. دان سمڤيكنله خبر ݢمبيرا كڤد اورڠ-اورڠ يڠ بربوات كبايكن.**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# 11 PESERTA DIRAIKAN DALAM MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi






**PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran berlangsung di Dewan Muafakat Peladang Kampung Tanah Jambu / Salar (atas). Sementara gambar kanan, para peserta yang menyertai majlis khatam tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Jun. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Sungai Buloh (Bukit Sibanging) hari ini telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran berlangsung di Dewan Muafakat Peladang Kampung Tanah Jambu / Salar, di sini.

Seramai 11 peserta diraikan pada majlis anjuran Biro Wanita MPK STKRJ Sungai Buloh (Bukit Sibanging) buat kali kedua ia diadakan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, selaku Ketua Kampung Subok; Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Haji Awang Mohd. Eddie Hardey bin Haji Ibrahim; Ketua-ketua Kampung, Pemangku Ketua-ketua Kampung Mukim Mentiri.

Menurut Ketua Kampung STKRJ Sungai Buloh (Bukit Sibanging), Awang A.Hamidun bin Mohd Daud selaku Pengerusi Majlis antara lain menjelaskan bahawa kelas pengajian Al-Quran yang mengambil tempat di rumah kediamannya itu dilaksanakan sebanyak empat kali dalam sebulan.

Menurutnya lagi, sejak ia mula dilancarkan pada 2019 lalu, kelas tersebut juga bertujuan untuk menghalusi bacaan dan sekali gus juga memahami isi kandungan ayat suci Al-Quran tersebut.

Majlis diserikan dengan bacaan Takhtim, Tahlil dan Dikir Marhaban, sementara Doa Khatam dibacakan oleh Awang Muhammad Arif bin Muhammad Ali.

# Memupuk semangat kerjasama ahli PSIP



**PENGARAH Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang bergambar ramai bersama para peserta pada Majlis Penutup Bengkel Kerja Berpasukan Pasukan Sukarelawan Institusi Pendidikan.**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah mengadakan Majlis Penutup Bengkel Kerja Berpasukan Pasukan Sukarelawan Institusi Pendidikan (PSIP) bertempat di Dewan Serbaguna, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3), Kementerian Pendidikan.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penutup Bengkel yang diadakan selama dua hari tersebut berakhir hari ini dengan penyampaian hadiah dan sijil.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah serta sijil kepada para peserta bengkel ialah Pengarah Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Penyusun Kegiatan Luar, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Muhammad Samira Razin bin Abdullah Sambut.

Majlis diikuti dengan ucapan oleh Ketua Bahagian Beruniform dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Rosediana binti Haji Hidop.

Antara tujuan bengkel tersebut diadakan adalah untuk memupuk semangat kerjasama yang kukuh dan berkomunikasi dengan baik secara berpasukan, di samping dapat menerapkan semangat sukarelawan dan mewujudkan peluang berinteraksi untuk mengatasi cabaran yang dihadapi dengan membuat keputusan secara berpasukan.

Di samping itu, ia juga memberi peluang kepada ahli PSIP untuk memberi pandangan dalam sesebuah aktiviti, selain diharapkan akan dapat melahirkan masyarakat yang bersifat pemimpin.

## Permohonan pengambilan pelajar baharu ITQSHHB dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Jun. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) sedang membukakan Tawaran Pengambilan Pelajar Baharu (Peringkat Menengah Tahun 7) ITQSHHB bagi Sesi 1446H / 2025M bermula Isnin, 10 Jun 2024 hingga Sabtu, 3 Ogos 2024 dengan mengisikan Borang Permohonan secara dalam talian melalui pautan *https: kemasukanitq2025.my.canva.site/*.

Syarat-syarat Kemasukan ke ITQSHHB adalah mereka yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Darussalam atau penduduk tetap.

Bagi yang bukan rakyat yang ibu atau bapa bertugas di Jabatan Kerajaan atau Government Linked Companies di Negara Brunei Darussalam, boleh juga memohon dengan cara menghadapkan surat permohonan khas kepada Lembaga ITQSHHB melalui Pengetua Institut.

Pemohon hendaklah berumur tidak lebih 14 tahun pada 1 Januari 2025 atau berada dalam Tahun 6 Pengajian di Sekolah-sekolah Kerajaan atau Swasta pada 2024.

Lulus dengan memperoleh sekurang-kurangnya pangkat ‘C’ dalam semua mata pelajaran bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (P.S.R) atau yang setaraf dengannya, dan lulus temu duga hafazan Al-Quran yang dijalankan di ITQSHHB.

Berkesanggupan tinggal di asrama sepanjang tempoh pengajian, dan mematuhi peraturan-peraturan ITQSHHB.

Penerimaan pelajar tertakluk kepada keputusan Lembaga ITQSHHB.

Bagi pemohon yang mempunyai kesulitan untuk mengisi borang dalam talian, pihak ITQSHHB akan membantu pemohon untuk mengisi borang dalam talian di Blok Pentadbiran Institut berkenaan di Simpang 175, KM2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan.

Waktu operasi pada sebelah pagi sahaja iaitu jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari bermula 9 Julai hingga 3 Ogos 2024 yang akan dibukakan setiap Selasa dan Khamis.

Pemohon dihendaki untuk membawa dokumen yang berkaitan (sila rujuk borang pendaftaran).

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai perkara di atas bolehlah menghubungi Bahagian Pendaftaran, ITQSHHB menerusi talian telefon +673 222090 / 093 / 096 sambungan 229 atau 230.

# KOMITED MEMASTIKAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR




**ANTARA peserta yang menyertai kempen membersihkan pantai di Pantai Muara yang dianjurkan oleh BD Creative Centre.**

**Siaran Akhbar dan Foto : BD Creative Centre**

**MUARA, Ahad,** 9 Jun. - Sejumlah 95 kilogram sampah berjaya dikumpulkan semasa kempen membersihkan pantai di Pantai Muara yang dianjurkan oleh BD Creative Centre yang merupakan salah satu penganjur utama untuk kelestarian alam sekitar.

Kempen yang diadakan bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia itu disertai lebih 50 peserta dalam sama-sama mendukung ke arah pemeliharaan bumi.

Acara dimulakan dengan ucapan oleh Pegawai Operasi BD Creative Centre, Syed Mohd Halawi Borhan yang antara lain menekankan kepentingan kritikal untuk mengekalkan ekosistem kita untuk kehidupan yang mampan, menekankan tanggungjawab yang kita pegang untuk generasi masa akan datang.

Menyentuh tentang kejayaan membersihkan pantai, Syed Mohd Halawi Borhan juga mengucapkan terima kasih kepada semua peserta dan sukarelawan.

"Saya sangat bangga dengan usaha kolektif yang ditunjukkan hari ini. Kempen membersihkan pantai ini tidak hanya menjadi bukti kepada komitmen kita terhadap pemeliharaan alam sekitar tetapi juga memperkukuhkan tindakan komuniti dalam mencipta perubahan positif," ujarnya lagi.

Sejajar dengan tema Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini, 'Tanah Kita, Masa Depan Kita', para peserta bergotong-royong membersihkan pantai dengan menyelusuri pantai, mengumpul sampah dan serpihan yang ada di sekitar pantai tersebut.

Walaupun menghadapi keadaan yang mencabar, termasuk arus pasang yang kuat dan cuaca tidak menentu, para sukarelawan terus berusaha dan komited ke arah kelestarian alam sekitar.

Sampah yang dikumpulkan akan diserahkan kepada pihak yang berkaitan bagi pengurusan sisa sampah yang betul, memastikan ia dibuang secara bertanggungjawab.

Melalui usaha bersama dan advokasi yang berterusan, mereka dapat berusaha untuk menjadikan planet yang lebih bersih dan lebih sihat untuk generasi akan datang.

# Tingkatkan strategi pengurusan jenama NSO Rantau Asia Pasifik

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**



**SERAMAI 42 peserta daripada 12 Organisasi Pengakap Kebangsaan (NSO) di seluruh Rantau Asia Pasifik menghadiri dan mengikuti Bengkel Strategi dan Pengurusan Jenama peringkat Rantau Asia Pasifik yang berlangsung di Bangkok, Thailand.**

**BANGKOK**, Sabtu, 8 Jun. - Ahli Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah menghadiri dan mengikuti Bengkel Strategi dan Pengurusan Jenama peringkat Rantau Asia Pasifik yang berlangsung di Bangkok, Thailand, baru-baru ini.

Bengkel berkenaan dihoskan oleh Pertubuhan Pengakap Kebangsaan Thailand dengan kerjasama Pergerakan Pengakap Sedunia-Rantau Asia Pacific (World Organization of Scout Movement, Asia Pacific Region).

Bengkel yang dianjurkan bermula dari 4 hingga 7 Jun 2024 tersebut mengumpulkan seramai 42 peserta daripada 12 Organisasi Pengakap Kebangsaan (NSO) di seluruh Rantau Asia Pasifik.

Pemangku Pesuruhjaya Ibu Pejabat (Media & IT), Awang Muhammad Arman Jahran Abdullah Besi, berada di sana mewakili PPNBD.

Objektif utama bengkel tersebut adalah untuk membangunkan dan meningkatkan strategi pengurusan jenama untuk NSO dalam rantau ini.

Selain itu, para peserta terlibat dalam siri sesi intensif yang bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik dan kejayaan daripada pelbagai NSO.

Pertukaran tersebut memberikan pandangan yang berharga tentang pengurusan jenama yang berkesan dan penubuhan nilai jenama yang kukuh.

Antara pengisian utama bengkel tersebut termasuk berkongsi amalan terbaik, iaitu peserta berkongsi strategi dan amalan penjenamaan yang berjaya daripada NSO masing-masing, mewujudkan persekitaran kolaboratif untuk pembelajaran dan pertumbuhan.

Selain itu, memahami asas penjenamaan, iaitu bengkel menyelidiki asas-asas penjenamaan, dengan memberi tumpuan kepada pengenalan dan pembangunan nilai teras jenama yang selaras di seluruh rantau ini.

Manakala, penjenamaan dan tanda dagangan WOSM, iaitu sebahagian besar bengkel tersebut didedikasikan untuk memahami garis panduan penjenamaan Pertubuhan Pergerakan Pengakap Sedunia (WOSM) dan penggunaan tanda dagangan yang betul, memastikan perwakilan jenama yang konsisten dan berkesan.

Dalam pada itu, Awang Muhammad Arman Jahran Abdullah Besi, menyatakan rasa gembiranya tentang hasil bengkel tersebut.

"Bengkel ini telah memberikan PPNBD, alat dan pandangan yang tidak ternilai untuk mengukuhkan usaha penjenamaan Pergerakan Pengakap.

"Pengetahuan dan pengalaman yang dikongsi akan membantu PPNBD dalam meningkatkan jenama Pergerakan Pengakap Brunei dan selaras dengan matlamat yang lebih luas di Rantau Asia Pasifik," katanya.

Bengkel tersebut menekankan kepentingan usaha penjenamaan yang kohesif dan strategik di seluruh NSO di Rantau Asia Pasifik.

Dengan menyelaraskan strategi mereka dan berkongsi amalan terbaik, ia bertujuan untuk mewujudkan kehadiran jenama yang lebih bersatu dan berkesan untuk pengakap di rantau ini.

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga**:
IKAN / 78(Q) / 0001 / 2024

**Tajuk Sebut Harga**:
To Supply And Delivery Artemia Cyst To Aquaculture Research And Development Division, Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 27 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Sebut Harga :**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 01 / 2024-2025

**Tajuk Sebut Harga :**
Term Contract Of 12 Months On Maintenance Work Including To Inspect, Supply And Install Vehicle Parts For Department Of Administration And Finance, Ministry Of Primary Resources And Tourism

**Bilangan Sebut Harga :**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 02 / 2024-2025

**Tajuk Sebut Harga :**
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Ruang Pejabat Dan Kaunter Bahagian Bio Sekuriti Dan Akses Pasaran, Tingkat Bawah Dan Tingkat Satu (1), Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan.

**Tarikh Taklimat :**
Isnin, 24 Jun 2024
Jam 10.00 Pagi

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga :**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Khamis, 27 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
JPH / 003 / SH2512 / 2024-2025
Penyediaan Tender Dokumen Untuk Membuat Projek Spesifikasi Bagi Menaiktaraf Fasiliti Di Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong

Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan di dalam Board of Architects Professional Engineers and Quantity Surveyors (BAPEQS) / Syarikat Kontraktor yang mempunyai Qualified Person (QP).

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):**
BND10.00

**Borang Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
4 Julai 2024,
Jam 2.00 Petang (Khamis)

JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :**
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUAMP RIPAHS,KATOK / 2024-2025
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pembersihan Bangunan (Housekeeping) Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok Di Bawah Kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Tahun 1445H-1446H / 2024M – 2025M

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
19 Zulhijah 1445H /
26 Jun 2024M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas :**
II, III, IV dan V

**Kategori :**
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran pada :**
Isnin, 10 Jun 2024

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa, 25 Jun 2024

**Tarikh Tutup Pada :**
Selasa, 9 Julai 2024
Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T001 / 2024 (R)**
Kerja-Kerja Penambahbaikan dan Pemeliharaan Landskap Di Sepanjang Jalan Labu, Daerah Temburong

**No. Projek :**
JASTRE / BL / T001 / 2024 (R)

**Jumlah Yuran Tawaran :**
BND 30.00 (Tidak dikembalikan)

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Tawaran**:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 06

**Tajuk Tawaran**:
"Event Management Services For Kenali Negara Kitani Carnival 2024"

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis, 13 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**Iklan Jawatan Pegawai Kewangan Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**Jawatan:**
Pegawai Kewangan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**Bahagian:**
II

**Tangga Gaji :**
B.2 EB.3
(BND2,270.00 - BND4,240.00 Sebulan)

**Kekosongan:**
1

**Tarikh Buka Permohonan :**
Sabtu, 8 Jun 2024

**Tarikh Tutup Permohonan :**
Sabtu, 22 Jun 2024

**Rujukan Iklan:**
UNISSA / IJK / PKew / 002 / 2024

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran :**
JDBM / Q / 35 / 2024

**Tajuk Tawaran:**
Kerja-Kerja Pembisaian Landskap Kawasan Penaikan Bendera, Jabatan Daerah Brunei Dan Muara, Negara Brunei Darussalam Fasa II

**Bilangan Tawaran :**
JDBM / Q / 37 / 2024

**Tajuk Tawaran:**
Membekal Dan Memasang Banner Untuk Pentas Perayaan Bagi Acara Persembahan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 Tahun

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 25 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Nama Sebut Harga:**
Tawaran Membekal Jamuan Makanan & Minuman Secara Berkontrak Bagi Majlis, Aktiviti dan Kursus di Jabatan Penerbangan Awam (selama 12 bulan)

**Rujukan Sebut Harga:**
ADMIN.2024-2025 / SH-09

**Dokumen Sebut Harga bolehlah diperolehi:**
Kaunter Seksyen Kewangan
Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

**Waktu beroperasi:**
Setiap hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 1.30 Petang hingga 3.00 Petang
Peserta hendaklah membawa kad pengenalan / pasport yang sah.

**Harga Yuran dokumen:**
BND5.00 setiap satu (01) dokumen sahaja

**Tarikh tutup menghantar dokumen Sebut Harga:**
Rabu,19 Jun 2024
jam 2.00 Petang

**Tempat Menghantar dokumen Sebut Harga:**
Peti Sebut Harga
Aras Bawah
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Makluman Penukaran Tarikh Tutup Iklan**

**Bilangan dan Tajuk Rujukan Tawaran :**
MINDEF / DFA / FY2024 / DITU / TA / 05
Pembelian 'Support Renewal For Smartzone 300'

**Yuran Tawaran :**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Yuran Tawaran :**
18 Jun 2024

**Tarikh Tutup Tawaran Ditukar kepada** :
Selasa, 25 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 2 / 2020**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Norhani Binti Kula
(00-119585)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **4 Mei 2024.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
Norhani Binti Kula
No.33, Kampung Lugu, KM21,
Jalan Tutong, BG2921,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**
26 Februari 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**
16 Mei 2024

**Kes No**
**BCY / CP / 152 / 2000**

**Baiduri Finance Berhad
(previously filed by HSBC
Finance (B) Berhad)**
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Pg Hj Abu Bakar @ Pg Hj
Jamaluddin Bin Pg Damit
(00-048025)**
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **18 Januari 2001** telah dibatalkan pada **25 April 2024.**

**Nama Penghutang :**
**Pg Hj Abu Bakar @ Pg Hj
Jamaluddin Bin Pg Damit**

**Alamat Penghutang :**
No. 276, Jalan Ban 3,
Kampong Pasai,
Sengkurong BG1121,
Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**
11 Mei 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 32 / 2024**

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Husaini Bin Haji Abd.Kahar
(00-296926)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 April 2024.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Husaini Bin Haji Abd.Kahar
No. 4, Spg 214, Kampung Mulaut,
Jalan Limau Manis, BG2121,
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**14 Mac 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **25 April 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada **24 Jun 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **24 Jun 2024, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**11 Mei 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 322 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Azaraimy Bin Haji Hasib
(00-255529)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **27 April 2024.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Azaraimy Bin Haji Hasib
No. 10, Spg. 123,
Perumahan Burong Pingai,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**20 Mac 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **27 April 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada **19 Jun 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Jun 2024, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**11 Mei 2024**

**Nuuror-Raheebah binti
Haji Abd Wahab
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 214 / 2021**

**Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Abdull Aziz Bin Haji Zainolarifin
(00-302806)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 Disember 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Abdull Aziz Bin Haji Zainolarifin
No. 61, Spg. 61,
Kampung Panchor Dulit,
Tutong,
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**25 Januari 2023**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 Disember 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada **22 Julai 2024, jam 9.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **22 Julai 2024, jam 9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**15 Mei 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 67 / 2022**

**Freme Travel Services Sdn Bhd
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen**

**Saadiah Hj Mohd Tahir
(00-254731)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 Ogos 2022.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Saadiah Hj Mohd Tahir
No. 14/42, Kampung Jaya Setia,
Perpindahan Berakas BB2713,
and/or, No.9, Spg. 256-45-26-9,
STKRJ Kampung Rimba,
Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
**4 Ogos 2022**

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Ogos 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah Besar pada **20 Jun 2024, jam 10.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **20 Jun 2024, jam 10.15 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**30 April 2024**

**Pg Siti Nursu'aidah Binti
Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

**MAHKAMAH BESAR**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi**
**Negara Brunei Darussalam**
**Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No**
**BCY / CP / 173 / 2023**

**Lim Chee Eng**
**-** Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Frederick Goh Chih Yang**
**(01-073719)**
**-** Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **18 November 2023** telah dibatalkan pada **11 Mei 2024.**

**Nama Penghutang :**
**Frederick Goh Chih Yang**

**Alamat Penghutang :**
No.5, Spg. 34, Jalan 3,
Kampung Perpindahan Rimba,
Gadong, BE3110,
Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**
16 Mei 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 335 / 2019**

**Bank Islam Brunei Darussalam**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Haji Warithu bin Awang**
**Haji Tengah**
**(00-276591)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Mei 2024**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Haji Warithu bin Awang**
**Haji Tengah**
No. 30, Spg. 94,
Kampung Pancha Delima,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**
19 April 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**
16 Mei 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 253 / 2022**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Kamrinah binti Haji Khamis**
**(00-296587)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Mei 2024**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Kamrinah binti Haji Khamis**
No. 16B,
Kampung Burong Pinggai Ayer,
BM1126,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**
24 April 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**
16 Mei 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 479 / 2019**

**BIBD At-Tamwil Berhad**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Nurul Fahnni binti Haji Hanipah**
**(01-045332)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **21 Mac 2024**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Nurul Fahnni binti Haji Hanipah**
No. 8, Spg. 5,
Kampung Mulaut, BG2121,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**
19 Februari 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**
16 Mei 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 358 / 2015**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Dk Suhana binti Pg Waliudin**
**(00-294188)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **9 Mei 2024.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Dk Suhana binti Pg Waliudin**
No.5, Spg. 396-54-64,
Kampung Jerudong,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**
12 Disember 2015

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **9 Mei 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada **16 September 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **16 September 2024, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**16 Mei 2024**

**Kes No.**
**BCY / CP / 341 / 2023**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Natysusanti binti Matsalleh**
**(01-112259)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 April 2024.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Natysusanti binti Matsalleh**
No.111, Spg. 301,
Jalan Muara Kapok,
Mukim Serasa,
Brunei Muara BT2328,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**
9 Mac 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **20 April 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada **2 September 2024, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **2 September 2024, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
**16 Mei 2024**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 49 / 24 - 25
Supply And Delivery Of Audio Equipments For TV Studio

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 50 / 24 - 25
Supply And Delivery Of Camera Lens For TV Studio

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 52 / 24 – 25
Supply And Delivery Of Drone Lens And Accessories

**Bayaran Yuran:**
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
26 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang

# PAMERAN LUKISAN MALEK METARSAT DITERUSKAN SEHINGGA 16 JUN



AWANG Haji Abdul Malek bin Haji Metarsat bergambar bersama potret yang beliau hasilkan.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**SENGKURONG,** Sabtu, 8 Jun. - Pameran Lukisan Hasil Karya daripada Malek Metarsat yang dikelolakan oleh Creative Space diteruskan lagi sehingga 16 Jun 2024 yang berlangsung di Creative Space Art Gallery & Studio, Sengkurong, di sini.

Semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, Awang Haji Abdul Malek bin Haji Metarsat yang memperoleh ijazahnya dari Kent Institute of Art and Design, Canterbury, United Kingdom menjelaskan beliau mula memupuk minat dalam karya melukis dari Allahyarham ayahnya sendiri yang berminat melukis potret.

Jelasnya, pada permulaannya beliau hanya melukis potret seperti Allahyarham ayahnya dan seterusnya pernah mengikuti pameran di Dewan Bahasa dan Pustaka dan mendapat tempat pertama dengan lukisan Potret Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam yang beliau hasilkan pada tahun 1971.

Pada pameran yang sama juga, beliau juga menghasilkan lukisan batik berukuran 1.5x4 kaki yang dibeli dengan harga BND500.

Jelasnya, dengan mendapat tempat pertama dan pertama kali lukisan beliau dibeli dengan harga BND500 berkenaan, ia terus menjadi pendorong beliau untuk terus berkarya.

Beliau yang bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Penyemak pada tahun 1977, mula berminat untuk meneruskan pelajaran dan seterusnya mengambil diploma beliau di Croydon College of Art and Design selama tiga tahun pada 1979.

Seterusnya, beliau mula berjinak-jinak dengan lukisan abstrak setelah menuntut di Croydon College of Art and Design.

Pada tahun 1982, beliau mula bekerja semula di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Pelukis dan Ketua Pelukis sehingga bersara pada tahun 2011.

Terdahulu, beliau menerangkan di antara cabaran semasa beliau mula bergiat dalam seni lukis berkenaan ialah kekurangan peralatan lukisan yang tersedia di Negara Brunei Darussalam.

"Mula-mula kami (beliau dan rakan pelukis yang lain) melukis menggunakan Kain Belachu atau Kain Kipar, selain itu kami juga menggunakan kain Beludu yang kasar. Di antara masalahnya dengan menggunakan kain Beludu ialah ia tidak sesuai dilukis menggunakan warna minyak.

"Seperti lukisan Potret Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam berkenaan, saya menggunakan Kain Beludu dan warna minyak, hasilnya memang cantik akan tetapi lama-kelamaan lukisan berkenaan semakin mengeras seperti keropok.

"Alhamdulillah, potret berkenaan masih lagi dapat diperbaiki dan sehingga kini boleh dipamerkan," ujarnya.

Semasa ditanyakan mengenai lukisan kegemaran yang beliau hasilkan, Awang Haji Abdul Malek menjelaskan di antara yang paling beliau gemari ialah lukisan yang bertajuk 'The Blue Series #1/20'.

Beliau menambah, lukisan berkenaan mengambil masa selama dua minggu untuk dihasilkan pada tahun 2020.

Sebanyak 88 lukisan yang dipamerkan pada pameran berkenaan, dengan harga serendah BND100 lebih dan di antara yang paling mahal berharga BND4,000.

Dari 88 lukisan berkenaan, hanya dua gambar yang tidak dijual iaitu Potret Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Creative Space, mula ditubuhkan oleh Awang Osman Mohammad, menawarkan tiga perkhidmatan iaitu pameran seni, kelas bengkel dan menjual peralatan alat seni.

Selain itu, Creative Space juga menyediakan ruang dan platform bagi karyawan muda untuk mendedahkan hasil karya mereka kepada orang ramai.

# Didik anak celik kewangan, terapkan budaya menabung




Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Jun. - Pengurusan kewangan merupakan salah satu ilmu yang penting dalam kehidupan dan sebagai ibu bapa, mendidik anak menyimpan dan menguruskan duit sedari awal dapat membantu mereka agar lebih bersedia sebelum memasuki alam dewasa.

Budaya menabung adalah bahagian penting dalam menguruskan kewangan individu atau keluarga dan ia juga boleh mengelakkan kita daripada sikap boros dan berbelanja pada yang tidak berfaedah.

Banyak kebaikan yang diperoleh oleh anak-anak sekiranya belajar menabung sejak kecil lagi, dan salah satu cara untuk mendidik anak-anak menabung ialah dengan membuka akaun simpanan di bank-bank yang terdapat di negara ini.

Bawa mereka ke bank-bank yang berkenaan dan buka akaun di atas nama mereka agar mereka teruja dan bersemangat untuk menabung di dalam akaun tersebut.

Ambil peluang untuk menerangkan kepada mereka bagaimana menambahkan wang mereka sedikit demi sedikit.

Selain daripada itu, ibu bapa juga dapat membelikan tabung-tabung yang dijual di kedai-kedai ataupun membuat tabung dari bahan-bahan kitar semula.

Beli atau buat dua tabung yang berbeza, iaitu satu untuk duit kertas dan satu lagi untuk duit syiling.

Sebelum anak-anak pandai berbelanja, ibu bapa perlu mengajar mereka untuk menyimpan dari sekarang, kerana bila anak-anak sudah tahu berbelanja, mungkin sukar untuk melatih mereka.

Ibu bapa juga perlu menggalakkan dan mengajar anak-anak untuk berbelanja mengikut kemampuan, dan caranya mungkin berbeza dengan orang.

Terangkan kepada anak-anak kenapa perlu membeli barang yang berkualiti lebih banyak dari barang yang murah.

Ini kerana barang yang berkualiti, boleh dipakai dalam tempoh yang lama dan tidak perlu dibeli selalu.

Di samping itu, ajar juga anak-anak untuk menjaga barang dan berjimat apabila menggunakan barang tersebut, dan jangan menggunakan barang tersebut sampai rosak atau hilang.

Memberikan hadiah atau 'reward' kepada anak-anak pasti akan membuat mereka merasa gembira apabila usaha mereka dihargai, dan setentunya mereka akan lebih bersemangat kerana telah berjaya menabung dengan baik.

Semuanya bermula daripada ibu bapa itu sendiri, dan ibu bapa sendiri perlu menerapkan sifat suka menabung di dalam diri mereka sebelum mengajar kepada anak-anak.

Menabung bukan sahaja bagus untuk masa depan anak-anak, tetapi ia mampu membantu mereka dari segi kewangan.

Selain itu, menabung bukan untuk selama-lamanya tetapi ia diperlukan ketika kita di dalam kesusahan.



BUDAYA menabung adalah penting dalam menguruskan kewangan individu atau keluarga (kiri dan kanan).

# IMBASAN MINGGUAN




ANTARA persembahan pada Majlis Perasmian Kem Musim Panas Universiti Brunei Darussalam - ASEAN University Network (UBD-AUN Summer Camp) 2024 yang berlangsung di Pusat Kesenian Pro-Canselor UBD. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman

ANTARA yang hadir pada Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-15 (KAIB XV) yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit






AKSI semasa Kejohanan Badminton Berpasukan di Kalangan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Belia Masjid dan Pegawai Masjid Senegara bagi Tahun 2024 yang julung kalinya diadakan berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Daerah Tutong dan disokong oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman

SUASANA semasa merukyah anak bulan Zulhijah 1445 Hijrah. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas





SUASANA pada Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 78 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman

# MAJLIS KHATAM RAIKAN 28 MURID DARJAH VI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



KETUA Unit Audit Dalaman, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhamad Dahrin bin Daud hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Jun. - Seramai 28 murid Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi terdiri daripada 19 murid lelaki dan sembilan murid perempuan yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran Murid-murid Darjah VI Sekolah Ugama Kampung Bolkiah dan Sekolah Ugama Putat, Brunei IV Tahun 1445H / 2024M.

Daripada jumlah peserta khatam tersebut, 24 murid dari Sekolah Ugama Kampung Bolkiah manakala empat murid dari Sekolah Ugama Putat.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah 'A', di sini ialah Ketua Unit Audit Dalaman, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhamad Dahrin bin Daud.

Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh tetamu kehormat diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Naas oleh para peserta Khatam.

Bacaan Takhtim pula dibacakan oleh murid-murid perempuan Darjah IV dan V sekolah berkenaan manakala Doa Khatam dibacakan oleh salah seorang peserta khatam, Awang Mohammad Aiman Akim bin Mohammad Nazim.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan Dikir Dabaie oleh murid-murid lelaki Darjah IV dan V dan disusuli dengan penyampaian sijil khatam oleh tetamu kehormat serta diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pengiran Noor Aliman bin Pengiran Haji Metassan.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, beriman, beramal dan bertakwa, di samping menggalakkan amalan membaca Al-Quran dengan betul dan lancar, majlis juga bertujuan untuk memastikan murid-murid dapat mengkhatamkan bacaan Al-Quran 30 Juzuk sebelum menamatkan Darjah VI.



SERAMAI 28 murid Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2024 menyertai Majlis Khatam Al-Quran Murid-murid Darjah VI Sekolah Ugama Kampung Bolkiah dan Sekolah Ugama Putat.

# Lahirkan generasi celik Al-Quran

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERIBI,** Sabtu, 8 Jun. - Usaha untuk memupuk budaya menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan harian, di samping bagi menyahut hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran terus giat dilaksanakan kementerian-kementerian kerajaan mahupun institusi-institusi pendidikan di negara ini.

Sehubungan itu, Sekolah Ugama Beribi, Gadong Kawasan Brunei III mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 117 murid Darjah VI terdiri daripada 58 murid lelaki dan 59 murid perempuan yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran.

Majlis diadakan di Dewan Fathul Busyra, sekolah berkenaan.

Terdahulu itu, Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diketuai oleh tetamu khas majlis, Ketua Unit Pentadbiran dan Logistik, Jabatan Siasatan Dan Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Polis Diraja Brunei, Ketua Inspektor Kifli bin Haji Mohamad Daud.

Seterusnya, bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas oleh para peserta khatam, dan diikuti dengan bacaan Takhtim beramai-ramai.

Manakala Doa Khatam dibacakan oleh salah seorang peserta khatam, Awang Md Darwish Harraz bin Awang Md Ubaidillah.



KETUA Unit Pentadbiran dan Logistik, Jabatan Siasatan Dan Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Polis Diraja Brunei, Ketua Inspektor Kifli bin Haji Mohamad Daud hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam berkenaan.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan Dikir Marhaban dan kemudian diteruskan dengan penyampaian Sijil Khatam oleh Tetamu Khas Majlis, dan diakhiri dengan Doa Selamat dibacakan oleh guru sekolah ugama berkenaan, Awang Zool Hamly bin Haji Zaini.







SUASANA pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Fathul Busyra, sekolah berkenaan (atas, atas kiri dan kiri).




# Arca ASEAN tampilkan keunikan kesenian setiap negara ASEAN

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**ARCA ASEAN** Ke-4 yang terletak di Persisiran Taman Rekreasi Damuan merupakan salah satunya taman yang menyaksikan arca-arca ASEAN dari 10 buah negara dan ianya telah dirasmikan pada Sabtu, 12 Disember 1987 oleh mantan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika itu iaitu Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain.

Pembinaan arca bagi negara-negara Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam adalah kesinambungan daripada pembinaan arca-arca asal di ASEAN Square Sculptures 1987 bertemakan "Harmoni dalam Kepelbagaian" yang terdiri daripada arca-arca Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Republik Rakyat Filipina, Singapura dan Thailand. Pembinaan ini sekali gus menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara ASEAN pertama yang mempunyai koleksi lengkap arca ASEAN.

Projek ini dilaksanakan sebagai salah satu hasil (deliverables) semasa Negara Brunei Darussalam mempengerusikan ASEAN pada tahun 2021, dengan sokongan Jawatankuasa Kecil Kebudayaan, ASEAN-COCI Brunei Darussalam. Kerja-kerja pembinaan arca-arca ASEAN Ke-4 ini telah dilaksanakan pada awal tahun 1986 dan merupakan salah satu persiaran yang unik dan indah dengan menampilkan arca-arca simbol setiap negara ahli ASEAN bahkan kewujudan arca-arca ini juga bukan sekadar hiasan tetapi juga memberikan pengetahuan kepada arca-arca setiap negara berkenaan dan lebih banyak menerangkan aspirasi kesenian negara ASEAN yang cintakan keamanan, kebebasan dan menghormati antara satu dengan yang lain.

**Pengertian Arca**

**Negara Brunei Darussalam – 'Dunia ASEAN'**
**Artis – Awang Haji Marsidi bin Haji Akip**

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Awang Haji Marsidi bin Haji Akip, dengan tema arcanya 'Dunia ASEAN'. Antara lain konsep arca ini lebih banyak ditumpukan di sekitar pembentukan ASEAN. Bentuk segi empat yang dicipta melambangkan negara dalam ASEAN. Perbezaan arah (ke dalam dan keluar) setiap unit di dalam struktur arca menunjukkan kepelbagaian politik, kebudayaan, sosial, ekonomi dan berbagai-bagai aspek kehidupan di dalam setiap negara-negara ahli dalam ASEAN. Unit-unit ini disusun dalam bentuk separa bulat menghala keluar bagi menghuraikan peringkat pertumbuhan ASEAN, sambil memperkasa daya tarikan estetik keharmonian yang maksimum.

**Malaysia – 'Jelmaan Kubah'**
**Artis – Awang Latif Mohiddin**

Mencipta arca dengan tema 'Jelmaan Kubah' dibentuk dengan konsep bagi mewujudkan perhubungan yang harmoni di antara dua bahagian alam yang simetri. Arca ini mengetengahkan kesimbangan sebagai prinsip utama dalam mencapai keharmonian sejagat. Diilhamkan daripada gabungan motif pucuk rebung dalam seni ukir Melayu dan kubah dalam seni bina Islam, arca yang berbentuk kubah helaian daun ini melambangkan hubungan timbal balik antara dua alam yang bersimetri, iaitu kemajuan dalam segenap bidang dan kualiti hidup masyarakat yang sentiasa terjamin.

**Singapura – 'Gambaran Bersatu'**
**Artis – Michael Ong Chu Kheng**

Arca yang berdiri umpama sebatang pokok yang tumbuh dengan tegaknya ini mempunyai enam bentuk yang melambangkan pertumbuhan dan perpaduan enam negara ASEAN. Setiap satu bentuk itu mewakili setiap negara anggota, oleh kerana Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi negara tuan rumah dalam simposium Arca ASEAN Ke-4 dan anggota ASEAN terbaru, meletakkan kedudukan NBD di puncak, maka satu bentuk mahkota agung dibina yang melambangkan kedaulatan dan kekuatan negara. Seni bina Istana Nurul Iman ini juga merupakan bukti kejatian NBD, mencerminkan kewujudan keharmonian bersama dan dedikasi negara-negara ASEAN dalam sama-sama menerajui perpaduan dan kemajuan untuk semua. Seni bina yang mengagumkan ini merangkumi semangat ASEAN dan kebanggaan negara dalam menjadi sebahagian daripada komuniti serantau yang bersemangat tinggi.

**Kemboja**
**Artis – Sophon Samkhan**
**Dilaksanakan oleh – Azhar Shahrum**
**Tahun – 2023**

Arca tembaga yang menawan ini menggambarkan keagungan Angkor Wat, sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO sejak tahun 1992. Sebagai penghormatan kepada kehandalan seni bina Empayar Khmer pada abad Ke-12, menerusi arca ini, pembentukan menara-menara tunas teratai, sebahagian galeri dan galeri paksi, tertutup dalam teres cruciform telah dibentuk. Kelima-lima menara ini melambangkan perpaduan dan keharmonian, mencerminkan objektif Komuniti Sosio-Budaya ASEAN ada mempromosikan masyarakat yang komited, turut serta dan inklusif. Menara-menara ini juga dihiasi bendera kebangsaan Kemboja, berperanan dalam mencerminkan integriti, keadilan dan kaya dengan warisan budaya bangsa.

**Lao PDR**
**Artis – Bounsanong Siharath**
**Dilaksanakan oleh – Yasmin Jaidin**
**Tahun – 2023**

Arca yang kompleks ini merakamkan keindahan alat muzik tradisi Khaen masyarakat Lao, satu seni tradisional yang digemari mempamerkan kepentingan budaya yang mendalam. Setiap perincian arca yang terdiri daripada susunan tiub-tiub buluh dan buluh logam halus diukir mengikut ketepatan. Dalam hidup masyarakat Lao, muzik Khaen memainkan peranan penting melambangkan perpaduan keluarga dan sosial dan menyatupadukan masyarakat semasa mengadakan perayaan yang meriah di kampung-kampung.

**Indonesia - 'Matlamat ASEAN'**
**Artis – Husna**

Diilhamkan daripada fitrah seni itu sendiri yang bersifat universal, merentasi budaya dan sempadan geografi. Arca ini menggambarkan keindahan alam semesta dan sifat perpaduan dalam ASEAN. Mempunyai reka bentuk sebatang pohon yang mempunyai enam biji buah, arca ini dibina di atas sebuah tapak segi empat sama yang kukuh bagi melambangkan kerjasama yang berpanjangan dalam kalangan negara-negara ASEAN untuk sama-sama mencapai masa depan yang lebih baik, harmoni dan mampan.

**Filipina – 'Keunggulan Brunei'**
**Artis – Awang Eduardo Gastrillo**

Arca ini merangkul motif bulan sabit yang ikonik, yang dibayangkan semula untuk menghormati tradisi keislaman dan warisan budaya. Seni bina yang diinspirasikan daripada hubungan simbiosis tenaga atom dan kehidupan ini memanfaatkan usaha berterusan yang telah dibentuk menjadi sebuah lingkaran, pembangunan yang moden. Komposisi harmoni ini melambangkan keseimbangan, pembangunan mampan dan kerjasama serta dalam kalangan negara anggota yang mempamerkan potensi pertumbuhan dan kemakmuran kolektif. Ia dibina menghadap arah matahari terbit dan Istana Nurul Iman ini, juga memberi pengertian sebagai lambang potensi penuh NBD dalam kalangan komuniti dinamik ASEAN.

**Thailand – 'Pergerakan'**
**Artis – Saravudth Duangjumpa**

'Pergerakan' melambangkan konsep 'Harmoni Dalam Kepelbagaian' melalui penggunaan bentuk kejadian geometri dan kejadian organik yang berbeza-beza. Penggubahan arca kepada dua bentuk menggambarkan sifat manusia yang tidak sepatutnya hidup menyendiri.

**Myanmar**
**Artis – Min Yin Samine**
**Dilaksanakan oleh – Faizal Hamdan**
**Tahun – 2023**

Arca ini melambangkan perjalanan yang bermula dari titik tolak yang sama dan menuju destinasi yang positif dan meningkatkan semangat. Mengambil kira kaitan hubungan yang mendalam dengan alam semula jadi, arca ini mengungkapkan keperluan manusia untuk hidup bersama secara harmoni, aman, berdaya tahan dan bebas. Karya ini juga menekankan kepentingan kerjasama dalam kalangan negara anggota ASEAN ke arah mencapai matlamat yang dihasratkan dan membuktikan kekuatan perpaduan berkekalan dan potensi transformasi positif jika bekerjasama.

**Viet Nam**
**Artis – Le Long Luong**
**Dilaksanakan oleh - Azmey Yunos**
**Tahun - 2023**

Arca ini mengetengahkan kepentingan buluh dalam warisan budaya masyarakat Vietnam. Menggambarkan intipati perpaduan, perlindungan, dan kesepakatan bersama arca ini memberikan penghormatan kepada rumpunan daun buluh. Melalui butiran terperinci, elemen terkecil tumbuhan buluh dan sekumpulan daun jelas melambangkan masyarakat besar yang diwakilinya yang saling berkaitan dengan pepohon buluh, kediaman, kampung-kampung, dan seluruh negara. Warna-warna yang terdapat pada arca ini mencerminkan keharmonian, kepelbagaian budaya yang bergabung dan membentuk masyarakat teguh dan maju.

Dengan terdirinya arca-arca dari negara-negara ASEAN yang terdapat di persisiran Damuan ini sudah setentunya memperkayakan lagi kebudayaan kita.



# Pusat Maksilofasial, Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif Wajah

**Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail dengan kerjasama Pusat Maksilofasial, Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif Wajah, PJSC**
**Foto : Ihsan Pusat Maksilofasial, Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif Wajah, PJSC**

MUNGKIN ada yang tidak tahu bahawa Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) ada memberikan perkhidmatan menyeluruh bagi penyakit di bahagian kepala dan leher iaitu Pusat Maksilofasial, Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif Wajah, PJSC. Sejak ianya ditubuhkan pada 1992, pusat ini telah berkembang maju dengan pakar dan kakitangan yang berkelayakan dan peralatan yang canggih. Malah penjagaan kesihatan di negara ini mempunyai standard yang tinggi sebanding dengan mana-mana negara membangun. Pelita Brunei berkesempatan untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi mengenai pusat ini dalam satu temu bual berikut :

**Bilakah Pusat Maksilofasial, Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif Wajah di PJSC ditubuhkan? Berapa orang petugas yang berkhidmat di bahagian tersebut? Bagaimana kerjasama dengan Hospital RIPAS?**

Pusat Maksilofasial telah ditubuhkan pada tahun 1992 sebagai Klinik Maksilofasial yang mana ianya ditempatkan di kawasan pesakit luar Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dengan mempunyai tiga orang kakitangan sahaja. Pada tahun 1998, Klinik Maksilofasial telah berpindah ke Klinik Pakar Hospital RIPAS dengan memberi perkhidmatan menyeluruh bagi penyakit di bahagian kepala dan leher. Jumlah kakitangan pada ketika itu seramai tiga pegawai perubatan dan lapan jururawat sahaja. Pada tahun 2018, Klinik Maksilofasial telah bertukar nama menjadi Pusat Maksilofasial, Pembedahan Plastik dan Rekonstruktif Wajah dan berpindah ke bangunan baharu yang ada pada masa ini di mana ianya sekarang mempunyai seramai 85 orang kakitangan yang terdiri daripada empat konsultan, lima pegawai perubatan kanan, tiga pegawai perubatan, 43 jururawat yang mana 10 orang daripadanya mempunyai sijil lanjutan di dalam bidang maksilofasial, lima pembantu hospital dan 25 kakitangan kesihatan bersekutu. Pusat Maksilofasial telah pun bekerjasama dengan hospital RIPAS sejak ditubuhkan dari segi pengurusan pesakit. Pusat Maksilofasial juga memberikan perkhidmatan kecemasan 24 jam untuk pesakit yang mengalami kecederaan akibat kemalangan jalan raya atau kecederaan akibat terjatuh yang memerlukan jahitan pada bahagian muka, patah pada bahagian tulang muka, dan infeksi pada bahagian muka dan leher.

**Berapakah jumlah doktor pakar? Doktor tempatan atau pakar dari luar negara?**

Pusat Maksilofasial mempunyai empat Doktor Pakar keseluruhannya. Dua doktor terdiri daripada anak tempatan iaitu Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar, Doktor Pakar dan juga Pengarah di Pusat Maksilofasial, Dr. Haji Muizzaddin bin Dato Seri Setia Hj. Abdul Mokti, Penolong Pengarah Pusat Maksilofasial. Manakala dua doktor selebihnya adalah doktor yang didatangkan dari luar negara dengan kepakaran yang berbeza.

**Apakah kes pembedahan pertama yang dibuat?**

Kes pembedahan pertama yang dibuat ialah pembaikan sumbing bibir dan lelangit *cleft lip and palate repair*. Pesakit-pesakit ini terdiri daripada kalangan bayi yang berumur dalam lingkungan 6 bulan ke atas dan juga orang dewasa pada ketika itu. Teknologi maklumat pada waktu itu adalah sangat terhad (laman sosial) untuk mencari pesakit dan antara cara yang telah diterapkan adalah seperti mencari di kedai-kedai, tempat awam dan juga kampung-kampung.

**Berapa jumlah kes pembedahan yang telah dibuat setakat ini? Apakah kes yang paling rumit?**

Jumlah kes pembedahan yang telah dibuat dari tahun 2017 sehingga Mei 2024 kini berjumlah 5618 pembedahan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 2373 pembedahan telah dilakukan dengan Anestesia Am (General Anaesthesia) dan 3245 pembedahan selebihnya dilakukan dengan Anestesia Setempat (Local Anaesthesia).

(Data untuk pembedahan pada tahun 1992-2016 tidak dapat disertakan atas sebab-sebab yang tertentu yang mana pada ketika itu sistem filing belum lagi diaktifkan).

Kes paling rumit setakat ini ialah 'Partial Mandibulectomy and Reconstruction with Free Fibula Flap'. Kes ini melibatkan pembuangan tulang rahang atas ataupun bawah. Kemudian tulang kaki akan diambil untuk menggantikan tulang rahang tersebut. Tulang kaki berserta dengan otot dan urat akan diambil bagi membantu tulang berkenaan untuk hidup. Kemudian tulang berkenaan akan dipotong dan diletakkan pada bahagian rahang yang terbabit menggunakan sokongan yang diperbuat daripada logam titanium, urat daripada otot kaki yang telah diambil akan disambung ke urat muka. Kemudian skru titanium akan dipasang pada bahagian tertentu untuk mengguatkan lagi rangka berkenaan.

**Berapa lama pembedahan yang dibuat ini akan sembuh?**

Pembedahan yang rumit dan melibatkan tulang akan sembuh sepenuhnya dalam jangka masa sebulan lebih jika tidak ada komplikasi yang lain, tetapi pesakit boleh bergerak menggunakan alat sokongan dalam masa satu minggu selepas pembedahan. Pemakanan akan dihadkan dalam jangka satu minggu atau lebih, di mana pesakit hanya dibenarkan memakan makanan yang bertekstur lembut demi menjaga proses penyembuhan dan keutuhan tulang yang baharu itu.

**Adakah rawatan susulan akan dibuat bagi memastikan pesakit sembuh sepenuhnya?**

Rawatan susulan akan dibuat mengikut peringkat-peringkat yang ditetapkan oleh doktor pakar mengikut prosedur yang tertentu. Rawatan susulan ini juga tertakluk kepada jenis penyakit dan prosedur yang telah dibuat.

**Adakah pembedahan plastik wajah juga dibuat di sini? Apakah syarat-syaratnya? Bagaimana dengan bayaran bagi pembedahan tersebut?**

Pembedahan plastik seperti *face lift*, *rhinoplasty*, *blepharoplasty* tidak dibuat di Pusat Maksilofasial kecuali 'Reconstructive Rhinoplasty' yang mana apabila pesakit itu terlibat di dalam kemalangan ketika bersukan atau kecederaan akibat dipukul. Bagi 'Blepharoplasty' pula, prosedur tersebut hanya dibuat apabila mempunyai sebab-sebab kesihatan yang tertentu sahaja.

**Kesimpulan**

Negara kita kini setanding dengan negara luar dalam menangani penyakit yang suatu ketika dahulu tidak mampu dilakukan. Seiring dengan cabaran teknologi serta kegigihan anak-anak tempatan dalam mempelajari bidang perubatan serta menguasainya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dan penduduk di negara ini, kini kita berbangga kerana dunia perubatan negara kita telah maju dan berupaya memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik.



PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# AS SAMBUNG SEMULA PENGHANTARAN BANTUAN KE GAZA MELALUI JETI SEMENTARA

**WASHINGTON**, 9 Jun. - Amerika Syarikat (AS) menyambung semula penghantaran bantuan ke Semenanjung Gaza melalui jeti sementara pada Sabtu yang dibina semula selepas rosak akibat laut bergelora pada penghujung bulan lepas, lapor Agensi Anadolu (AA), memetik Central Command (CENTCOM).

"Hari ini, kira-kira 492 tan metrik bantuan kemanusiaan yang sangat diperlukan telah dihantar kepada penduduk Gaza.

Sehingga kini, CENTCOM AS telah membantu dalam penghantaran lebih daripada 1,573 tan metrik bantuan kemanusiaan," kata CENTCOM dalam hantarannya di X.

Ia menyatakan bahawa tiada anggota tentera AS mendarat di Gaza.

Laut bergelora menjejaskan empat kapal Tentera Darat AS yang menyokong misi bantuan kemanusiaan maritim di Gaza, dan kapal-kapal berkenaan terlepas daripada tambatan mereka, menyebabkan dua kapal berlabuh di pantai berhampiran jeti. Kapal ketiga dan keempat terkandas di pantai Israel berhampiran Ashkelon, menurut laporan itu.

Presiden AS, Joe Biden mengarahkan penubuhan laluan laut untuk menghantar makanan dan bantuan lain kepada rakyat Palestin pada 8 Mac di tengah sekatan Israel dan konflik berbulan-bulan di wilayah itu.

JLOTS - jeti terapung dan jeti Trident - mula beroperasi pada 17 Mei apabila trak-trak yang membawa bantuan kemanusiaan mula bergerak ke darat melalui jeti itu.

Kos awal dermaga itu dianggarkan bernilai AS$320 juta. Namun, Pentagon pada Rabu menyatakan bahawa harga tersebut telah menurun kepada AS$230 juta, disebabkan oleh sumbangan dari United Kingdom (UK) dan kerana kos pengambilan trak dan peralatan lain adalah lebih rendah daripada yang dijangkakan. - ©BERNAMA

# Mufti Besar Kerajaan Arab Saudi beri amaran tentang haji tanpa permit

**RIYADH**, 8 Jun. - Mufti Besar Kerajaan Arab Saudi, Sheikh Abdulaziz bin Abdullah bin Mohammed Al-Sheikh, yang juga Pengerusi Majlis Ulama Kanan dan Presiden Umum Penyelidikan Ilmiah dan Fatwa, menyeru semua jemaah haji tahun 1445H untuk mematuhi arahan keselamatan dan rasmi dengan ketat, lapor Saudi Press Agency (SPA).

Menurut Mufti Besar, arahan paling utama adalah mendapatkan permit haji dan mematuhi pengambilan vaksin yang diumumkan Kementerian Kesihatan Arab Saudi.

Beliau menekankan bahawa menunaikan haji tanpa permit "adalah berdosa bagi orang yang melakukannya," dan tidak dibenarkan menunaikan haji tanpa permit, sambil menekankan bahawa ini selaras dengan kepentingan yang diperlukan oleh syariah, yang bertujuan dengan memperbaiki kepentingan dan mencegah keburukan.

Al-Sheikh berkata : "Kepimpinan bijaksana dan Negara telah menggubal peraturan dan arahan yang bertujuan untuk memudahkan dan mengatur penerimaan jemaah, menyediakan mereka dengan segala kemudahan dan membantu mereka untuk melaksanakan ibadah dengan mudah dan tenang, yang perkhidmatan itu memerlukan pematuhan untuk memastikan keselamatan semua orang dan tujuan lain".

Beliau menambah bahawa kerajaan Arab Saudi telah berusaha, tanpa mengenal penat lelah, perbelanjaan atau organisasi, untuk mencapai matlamat yang tinggi dalam perkhidmatan Islam dan umat Islam, Dua Masjid Suci dan pengunjungnya.

Al-Sheikh menggesa semua jemaah untuk memanfaatkan masa mereka sepanjang menunaikan haji dengan beribadat kepada Allah SWT melalui doa, ibadah dan mendekatkan diri kepada-Nya. - ©BERNAMA

# Turkiye umum gantung import gandum untuk lindungi pengeluar tempatan

**ANKARA**, 8 Jun. - Tukiye mengumumkan penggantungan import gandum dari 21 Jun hingga 15 Okt bagi melindungi pengeluar tempatan.

Kementerian Pertanian dan Perhutanan Turkiye dalam kenyataan yang disiarkan di laman webnya pada Khamis malam berkata keputusan itu dibuat selaras dengan langkah-langkah perdagangan luar yang disyorkan oleh Kementerian Perdagangan, sambil menambah bahawa langkah-langkah tambahan juga akan diambil.

Langkah itu bertujuan menghalang pengeluar Turkiye daripada terjejas oleh penurunan harga yang disebabkan oleh kepadatan bekalan semasa tempoh penuaian, memenuhi bekalan bahan mentah yang diperlukan untuk eksport daripada pengeluaran domestik dan untuk memastikan kestabilan pasaran yang memihak kepada pengeluar, menurut kenyataan itu, lapor Xinhua.

Penggantungan import itu mungkin dilanjutkan selepas 15 Okt, bergantung kepada "keadaan pasaran pada tarikh berkenaan", jelasnya. Turkiye mengimport lebih daripada US$5 bilion bijirin tahun lepas dan merupakan antara pengimport utama di pasaran. - ©BERNAMA

# Sejuta Al-Quran terjemahan diedarkan kepada jemaah haji

**MAKKAH**, 9 Jun. - Pihak Presidensi Hal Ehwal Agama Masjidil Haram dan Masjid Nabawi sedang mengedarkan sejuta naskhah Al-Quran terjemahan kepada jemaah haji pada 10 hari pertama Zulhijah.

Menurut Saudi Press Agency (SPA), Ketua Hal Ehwal Agama Masjidil Haram dan Masjid Nabawi, Sheikh Dr. Abdulrahman bin Abdulaziz Al-Sudais dilaporkan berkata program itu merupakan pemberian berharga daripada dua masjid suci kepada jemaah haji.

Menurut laporan oleh SPA, Al-Sudais berkata kepimpinan Kerajaan Arab Saudi komited untuk mempromosikan mesej Al-Quran secara global dan memperkukuh nilai toleransi dan kesederhanaan.

Al-Sudais dilaporkan oleh agensi berita itu berkata kepimpinan Kerajaan Arab Saudi mengutamakan perhatian kepada dua masjid suci dan pengunjungnya, bertujuan memudahkan para jemaah haji melakukan ibadah mereka.

Sementara itu menurut laporan berkenaan, presidensi juga bersedia untuk meningkatkan kekerapan acara dan aktiviti keagamaan di dua masjid itu pada 10 hari pertama Zulhijah bagi memperkaya pengalaman jemaah haji dari seluruh dunia dalam melaksanakan ibadah haji.

Dalam perkembangan lain, SPA melaporkan Kementerian Hal Ehwal Islam, Dakwah dan Bimbingan telah menyediakan pusat media sebagai kemudahan untuk membuat liputan Custodian of the Two Holy Mosques' Guests Programme for Hajj, Umrah, and Visit di sini.

Pusat media itu mengetengahkan usaha Kerajaan Arab Saudi memberikan perkhidmatan kepada umat Islam sepanjang program yang membolehkan ribuan umat Islam di seluruh dunia menunaikan haji, yang ditaja oleh Penjaga Dua Masjid Suci iaitu Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud.

Menurut laporan agensi berita itu, pusat media berkenaan merangkumi perkhidmatan disediakan kepada jemaah haji dan menyiarkan siaran media dan laporan televisyen yang diselaraskan kepada pelbagai media cetak, audio dan visual bagi membolehkan mereka menghantar dan memantau program berkenaan.

Pusat itu dilengkapi dengan semua yang diperlukan, peralatan, peranti moden dan petugas media khusus. - ©BERNAMA

# Kementerian Hal Ehwal Islam Arab Saudi hantar 35 juta SMS bimbing jemaah haji

**MAKKAH**, 9 Jun. - Kementerian Hal Ehwal Islam, Dakwah dan Bimbingan Arab Saudi telah menghantar kira-kira 35 juta mesej Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) dalam pelbagai bahasa melalui semua pengendali telekomunikasi di Kerajaan Arab Saudi ke telefon bimbit jemaah haji, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Usaha ini merupakan sebahagian daripada rancangan kementerian untuk mempromosikan kesedaran Islam semasa musim Haji tahun ini.

Mesej-mesej ini menjelaskan tentang ritual Haji dan Umrah, memperkenalkan perkhidmatan Perpustakaan Elektronik Islam, serta menggalakkan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan jemaah. - ©BERNAMA

# Angkasawan Apollo 8, William Anders yang mengambil foto 'Earthrise', maut nahas pesawat

**WASHINGTON**, 8 Jun. - Bekas angkasawan Amerika Syarikat (AS) William Anders, yang merupakan sebahagian daripada misi Apollo 8 yang menyaksikan anak kapal pertama mengorbit bulan pada 1968, maut dalam nahas pesawat di barat laut Seattle, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) memetik laporan media Amerika Syarikat (AS) pada Jumaat, yang dilaporkan oleh anak lelakinya.

Anders berusia 90 tahun. Dia terbang bersendirian dalam pesawat kecil apabila ia terhempas di luar pantai negeri Washington, menurut laporan. Pihak berkuasa telah melancarkan siasatan untuk mengetahui punca nahas.

Semasa misi Apollo 8, Anders merakamkan foto terkenal Earthrise yang menggambarkan bulan dengan latar belakang Bumi "terbit" di angkasa. Imej itu telah diiktiraf dengan mengubah persepsi manusia terhadap planet ini dan menjadi simbol kerapuhan Bumi. Ada juga yang menganggapnya sebagai asal usul kepada gerakan alam sekitar hari ini.

Anders telah menawarkan kepada manusia antara hadiah paling bermakna yang boleh diberikan oleh seorang angkasawan," catat ketua NASA Bill Nelson dalam hantaran di platform X.

"Beliau mengembara ke ambang Bulan dan membantu kita semua melihat sesuatu yang lain : diri kita sendiri. Beliau menghayati pengajaran dan tujuan penerokaan. Kami akan merinduinya".

Selepas kerjaya NASA, Anders berkhidmat sebagai penasihat presiden AS dan duta AS. Beliau juga bekerja untuk pelbagai syarikat tenaga nuklear dan penerbangan, antara lain. Terbaru, Anders tinggal di Kepulauan San Juan di luar negeri Washington, di pantai barat laut AS. Beliau berkahwin dan mempunyai enam orang anak. - ©BERNAMA

# PUPUK SEMANGAT KESUKANAN, PROMOSIKAN GAYA HIDUP SIHAT




PENGARAH Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang bergambar ramai bersama peserta pada Festival Olahraga Kanak-Kanak Sekolah Rendah bagi tahun 2024.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

**SUNGAI AKAR**, Ahad, 9 Jun. - Kementerian Pendidikan hari ini meneruskan lagi Festival Olahraga Kanak-Kanak Sekolah Rendah bagi tahun 2024, anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, yang berlangsung di Padang Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Pada tahun ini, festival diadakan bagi keenam-enam Kluster selama enam hari secara berselang yang bermula pada 12 Mei yang lalu.

Festival berkenaan mempertandingkan empat acara iaitu Formula Bends - Level Up, Backward Overhead Throw, Hurdles Relay, dan 3 Steps Bound.

Festival pada hari ini adalah giliran bagi Kluster 3 yang disertai oleh 242 murid termasuk pelajar berkeperluan khas dari 17 buah sekolah rendah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Pengarah Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang.

Antara objektif festival tersebut adalah untuk memperkenalkan aktiviti sukan yang bersesuaian dengan keperluan fizikal dan pertumbuhan serta perkembangan kanak-kanak.

Di samping itu, ia diharap dapat menarik minat kanak-kanak dalam aktiviti gerakan, memperkenalkan asas-asas pergerakan olahraga dalam bentuk permainan, merangsang pertumbuhan dan perkembangan fizikal serta mempromosikan gaya hidup yang seimbang dan sihat dan menggalakkan aspek keseronokan di dalam permainan.

# Badminton Persahabatan eratkan silaturahim




PASUKAN Badminton Veteran Bengkurong Community (BVBC) bergambar ramai bersama Pasukan Badminton Lover Community (BLC) pada Perlawanan Badminton Persahabatan.

**Berita dan Foto : Ihsan Badminton Veteran Bengkurong Community**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 8 Jun. - Pasukan Badminton Veteran Bengkurong Community (BVBC) mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan dengan Pasukan Badminton Lover Community (BLC), hari ini.

BVBC diketuai oleh Awang Haji Mohd. Alidin bin Haji Kura manakala Bapak Solleh pula mengetuai Pasukan BLC.

Perlawanan yang diadakan di Dewan GOR Khalistewa Kalbar, Pontianak Indonesia itu antara lain bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara pemain-pemain kedua pasukan.



Pelita Brunei
ePaper Pelita Brunei




# NBD TUAN RUMAH KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH ASEAN KE-14, 2025





SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku jemputan khas dan wakil bagi Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (atas kiri), manakala gambar atas, sesi bergambar ramai bersama para atlet negara yang menyertai kejohanan pada tahun ini.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

**DA NANG, VIET NAM**, Ahad, 9 Jun. - Majlis Penutup Rasmi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-13 bagi tahun 2024 telah berlangsung di Tien Son Sports Palace, Da Nang, Viet Nam baru-baru ini.

Hadir selaku jemputan khas dan wakil bagi Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; dan Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Haji Mohamad / Mohamat, selaku Chef-de-Mission kontinjen Majlis Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD).

Majlis dimulakan dengan persembahan daripada ahli Trung Vuong Theatre dan diikuti dengan barisan lalu para atlet setiap negara yang menyertai kejohanan pada tahun ini.

Majlis diteruskan lagi dengan ucapan alu-aluan daripada Member of the City Party Committee, Vice Chairman of the People's Committee of Da Nang City, Mr. Le Quang Nam.

Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN kali Ke-13 dengan rasmi ditutup oleh Timbalan Menteri Pendidikan dan Latihan, Ms. Nguyen Thi Kim Chi, selaku Ketua Penganjur Komiti Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-13 Tahun 2024.

Acara kemuncak majlis ialah penyerahan bendera rasmi Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN disempurnakan oleh Ms. Nguyen Thi Kim Chi kepada Dr. Haji Azman sebagai wakil tuan rumah Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 Tahun 2025 diikuti dengan tayangan video pendek mengenai sukan yang akan dipertandingkan di NBD dan diakhiri dengan ucapan penghargaan kepada negara tuan rumah, Viet Nam serta mengalu-alukan kedatangan kontinjen-kontinjen ke Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 Tahun 2025.

MS SSBD menyertai lima acara sukan iaitu badminton, bola keranjang, olahraga, renang, dan pencak silat.

Tahun ini adalah merupakan penyertaan MS SSBD kali ke-12 sejak kejohanan tersebut dianjurkan pada 2009.

Kejohanan tersebut merupakan salah satu program tahunan yang dimuatkan dalam kalendar aktiviti MS SSBD dan juga Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, NBD.

Pada kejohanan tahun ini, MS SSBD telah berjaya mengutip dua pingat iaitu satu pingat perak daripada Awang Md. Azinuddin bin Md. Azree dalam sukan Pencak Silat Tanding Kelas C Lelaki, dan satu pingat gangsa daripada Dayang Nursyakirah Mawaddah binti Mohd. Fauzi dalam sukan Pencak Silat Seni Tunggal Puteri.

Atlet pelajar MS SSBD juga berjaya meraih pencapaian iaitu memecahkan rekod kebangsaan (9:48.21 saat) dalam sukan olahraga (3, 000 meter) oleh Awang Abdullah Abbas bin Awang Abdullah dengan catatan masa 9:41.92s.

Manakala dalam sukan renang pula, Dayang Hayley Wong Ann Yue telah berjaya memecahkan rekod kebangsaan (28.07s) dalam acara Renang Gaya Bebas (50m) dengan catatan masa 27.94s dan pemegang bersama rekod kebangsaan (1:19.74s) dalam sukan Renang Kuak Dada (100m).

Turut hadir pada Majlis Penutup tersebut ialah Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hazri bin Haji Kifle, dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman, serta kontinjen MS SSBD.

# SIMPUR : Peluang terokai keindahan alam semula jadi NBD

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 9 Jun. - Lebih 250 peserta dari dalam dan luar negara menyertai Simpur Ultra Run (SIMPUR) 2024 yang berlangsung di ibu negara, hari ini.

SIMPUR 2024 adalah merupakan perlumbaan Ultra Trail Marathon yang mengabungkan aktiviti lasak dan penggembaraan di luar dengan merentasi beberapa denai mencabar di kawasan Bandar Seri Begawan (BSB).

Ia adalah edisi kedua SIMPUR dengan edisi sulungnya berjaya dianjurkan pada sekitar Februari 2023.

Beberapa kategori dipertandingkan, iaitu Terbuka Lelaki dan Terbuka Perempuan bagi Simpur Fun Run, Simpur8 (8 kilometer-km), Simpur30 (30km) dan Simpur50 (50km).

Antara objektif utama acara tersebut adalah untuk menyediakan platform kepada peminat sukan untuk belajar dan bersaing dalam larian ultra dan jejak.

Acara tersebut diharap akan dapat menyediakan peminat tempatan dan serantau untuk meneroka dan merasai pengalaman di Negara Brunei Darussalam, di samping menyumbang kepada pembangunan industri sukan dan pelancongan tempatan.

Selain itu, ia juga secara tidak langsung akan membangunkan komuniti larian setempat dan mengeratkan silaturahim antara peserta.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memberi peluang kepada para peserta untuk menerokai keindahan alam semula jadi yang masih terpelihara dengan baik di NBD untuk diterokai oleh orang ramai dan pelancong di seluruh dunia dengan laluan perlumbaan itu sendiri akan menyerlahkan beberapa mercu tanda sekitar BSB seperti Taman Riadah Tasik Sarubing, Taman Riadah Bukit Saeh, Taman Riadah Kampung Serdang (Bukit Kamser), Taman Riadah Bukit Subok dan Bumbungan Dua Belas.




ANTARA para peserta dari dalam dan luar negara yang menyertai Simpur Ultra Run (SIMPUR) 2024.